PERAK

*Majlis Pembentangan*

# LAPORAN KEMAJUAN TAHUN KEDUA
# PERAK SEJAHTERA 2030

**10 JUN 2024 (ISNIN) | 8:30 PAGI - 5:00 PETANG**

**DEWAN MERDEKA MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG**






2030 PERAK SEJAHTERA

# 5 Keperluan **Rakyat**

- Bekalan Makanan Mencukupi
- Pemilikan Rumah
- Peluang Pekerjaan Berkualiti
- Pembangunan Modal Insan dan Belia
- Kesihatan dan Kesejahteraan

# Agenda



1. Sekuriti Makanan
2. Ekonomi Digital
3. Koridor TVET
4. Perlombongan Bertanggungjawab
5. Pembuatan Keputusan Berpacukan Data
6. Tadbir Urus Projek Berkepentingan Negeri

# Sasaran **Perak Sejahtera 2030**



Sejahtera **Sosial**

Sejahtera **Ekonomi**

Sejahtera **Politik**

# 3 Agenda **Baru**



7. Pembangunan Sosial

8. Kelestarian Alam dan Biodiversiti

9. Pemerkasaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

# Mendalami ***Perak Makmur***

## ***Perak Makmur***

sebuah negeri yang kaya, hasil mahsulnya banyak, enjin ekonominya kuat, kemudahan infrastrukturnya maju dan tadbir urusnya mantap

- Enjin ekonomi yang kuat
- Pertumbuhan yang kukuh & hasil yang banyak
- Negeri yang kaya

→

- Peluang pekerjaan
- Peluang pendidikan
- Limpahan kesejahteraan kepada rakyat

# Sasaran **Perak Sejahtera 2030**



Sejahtera
**Ekonomi**


Perak Halal Industrial Park (PERAK HIP)
Lumut Maritime Industrial City (LUMIC)
Automotive High Technology Valley (AHTV)
Kerian Integrated Green Industrial Park (KIGIP)
Silver Valley Technology Park (SVTP)

## Sejahtera **Ekonomi**



# Lumut Maritime Industrial City **(LUMIC)**

# Manjung

## Lumut Maritime Industrial City (LUMIC)

- Dijangka menarik pelaburan swasta bernilai **RM72 bilion**
- Menjana **51,000** peluang pekerjaan
- Dalam **tempoh 25 tahun**



# Manjung

## Lumut Maritime Industrial City (LUMIC)

مربدانن كماجوان نكري فيراق
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

Port of Antwerp Bruges International

**5 Oktober 2023, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk) dan Port of Antwerp-Bruges International (PoABI)** telah memeterai perjanjian bagi penubuhan LuMIC yang memberi tumpuan kepada industri sektor maritim dan logistik, serta industri yang terlibat secara langsung dalam laluan perdagangan antarabangsa.

# Manjung

## Lumut Maritime Industrial City (LUMIC)

**11 Disember 2023**,
Kesatuan Eropah (EU)
telah meluluskan geran
berjumlah RM 9.5 juta
kepada PoABI dan PKNPk
bagi meneroka potensi
Perak sebagai pusat
maritim terkemuka.



# Manjung

## Lumut Maritime Industrial City (LUMIC)

**April 2024**, penyelidikan dan kajian sedang dilakukan oleh pihak **PKNPk dan PoABI bagi merangka LuMIC *Development Master Plan***. Laporan awal kajian telah siap sebanyak 70% dan dijangka dapat dimuktamadkan pada awal 2025.

# Manjung

## Lumut Maritime Industrial City (LUMIC)

- **Program Latihan Amali LuMIC**

- Para pelatih menjalani program bekerja sambil belajar selama 12-18 bulan

- **10 pelajar** dari kumpulan pertama (berdasarkan 25 pelajar untuk Kohort 1) dari keseluruhan 100 pelajar









# Sejahtera **Ekonomi**



## Perak Halal Industrial Park

## **(PERAK HIP)**

# Manjung

## Perak Halal Industrial Park (PERAK HIP)

- Nilai Pembangunan Kasar (GDV) bernilai RM1 bilion
- Menyediakan 300 peluang pekerjaan melalui kerjasama kerajaan dan swasta
- Meningkatkan produktiviti industri pedaging di negeri Perak ke tempat ke-4 di Malaysia berbanding ke-6 ketika ini
- Pembangunan kawasan dijangka siap pada tahun 2025

# Manjung

## Perak Halal Industrial Park (PERAK HIP)

**12 Mei 2023, Majlis pertukaran Memorandum Persefahaman (MOU)** antara **Perak SADC dan Halal Development Corporation Berhad (HDC)** bagi kolaborasi pembangunan Perak HIP telah diadakan untuk memperoleh status Halal Malaysia (HALMAS) dan juga khidmat nasihat.






# Manjung

## Perak Halal Industrial Park (PERAK HIP)

Perak HIP telah berjaya menarik pelaburan asing iaitu **Syarikat Pakistan, LEINER PAK GELATINE LIMITED** yang akan **membangunkan kilang gelatin halal dengan pelaburan bernilai RM100 juta** secara usahasama dengan Perak SADC. Dokumen-dokumen perjanjian usahasama telah disempurnakan pada **31 Mei 2024.**

# Manjung

## Perak Halal Industrial Park (PERAK HIP)

### Pembangunan Perak HIP ini akan memberi impak kepada negeri Perak ;

- Menjadikan Negeri Perak sebagai **Hab Gelatin Halal utama di Rantau Asia**
- Meningkatkan imej Negeri Perak sebagai Taman Industri Halal terkemuka di Malaysia
- Meningkatkan sebanyak 300 hingga 500 peluang pekerjaan
- Limpahan kepada pembangunan sekitar terutamanya dalam sekuriti makanan
- Meningkatkan nilai hartanah kawasan sekeliling
- Memberi peluang kepada banyak pemain industri Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)
- Meningkatkan Pelaburan Luar Asing (FDI) ke negeri Perak
- Menjadi pemangkin untuk lain-lain syarikat menyertai Pembangunan di Perak HIP



# Automotive High Technology Valley

# (AHTV)

# Tanjong Malim

## Automotive High Technology Valley (AHTV)

- Pelaburan bernilai **RM32 bilion**
- **3,000 pekerja PROTON** sudah berpindah dari **Shah Alam** ke **Proton City Tanjong Malim** dan **tambahan 7,000 pekerja** akan berpindah secara berperingkat sehingga tahun **2027**
- **Membangunkan ekonomi** di kawasan setempat dan limpahan ekonomi di kawasan sekitar










# Tanjong Malim

## Automotive High Technology Valley (AHTV)

**11 Oktober 2023**, Pemeteraian Perjanjian Kolaborasi Utama antara DRB-HICOM Berhad dan Zhejiang Geely Holding Group Co. Ltd. PROTON.



# Tanjong Malim

## Automotive High Technology Valley (AHTV)

**16 Oktober 2023**, delegasi Kerajaan Negeri ke Ibu Pejabat Geely yang berpangkalan di Hangzhou, China yang antara lain membincangkan mengenai pelaksanaan AHTV.



# Tanjong Malim

## Automotive High Technology Valley (AHTV)

**25 Mac 2024**, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia telah mengadakan lawatan ke negeri Perak bagi mendapatkan taklimat khas mengenai *layout master plan* AHTV.



# Tanjong Malim

## Automotive High Technology Valley (AHTV)

**8 April 2024**, Syarikat Zhejiang Geely yang diketuai oleh Puan Wei Mei, ***Senior Vice President*** **dan COO Geely Holding Group telah membuat kunjung hormat ke negeri Perak** bagi membincangkan lebih dalam mengenai pembangunan AHTV.

Geely juga menyampaikan hasrat untuk membina sebuah universiti di Tanjong Malim



# Sejahtera **Ekonomi**



## Silver Valley Technology Park

## **(SVTP)**

# Ipoh

## Silver Valley Technology Park (SVTP)

- Nilai Pembangunan Kasar (GDV) yang dianggarkan **bernilai RM 1.03 bilion**
- Menyasarkan lebih **13,000** peluang pekerjaan
- Menyasarkan jumlah pelaburan keseluruhan bernilai **RM14 bilion**








# Ipoh

## Silver Valley Technology Park (SVTP)

PKNPk telah melantik anak syarikat tersenarai iaitu Perak Corporation Berhad (Perak Corp) sebagai pemaju induk bagi pembangunan hub perindustrian di SVTP melalui *Master Development Agreement* yang telah ditandatangani pada **31 Mac 2023**.

# Ipoh

## Silver Valley Technology Park (SVTP)

**8 Mei 2023**, Majlis Pecah Tanah Projek Pembangunan Kilang Pemprosesan Mineral Jinjing Silicon Technology Sdn Bhd yang akan memulakan **pelaburan sebanyak RM100 juta** dengan pembinaan kilang pemprosesan "*zero waste facility*" yang akan menelan belanja sebanyak RM40 juta.



# Kerian Integrated Green Industrial Park

# (KIGIP)



# Kerian

## Kerian Integrated Green Industrial Park (KIGIP)

Pembangunan kawasan perindustrian berteknologi tinggi meliputi kawasan seluas **2,400 hektar di Wilayah Utara, Perak**

Pembangunan KIGIP telah dikenal pasti lokasi dan tapaknya di kawasan tanah milik SD Guthrie Berhad di daerah Kerian yang **berkeluasan 8,430.942 ekar yang akan dibangunkan secara berfasa**

Projek ini bakal dibangunkan secara kerjasama awam-swasta bersama dengan **Syarikat Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Kerajaan Persekutuan**

# Kerian

## Kerian Integrated Green Industrial Park (KIGIP)

**25 Mac 2024**, YAB Perdana Menteri telah membuat lawatan dan mendengar taklimat yang telah disampaikan oleh YAB Menteri Besar berkaitan dengan program pembangunan terkini termasuk berkenaan projek pembangunan KIGIP yang membabitkan:





Keperluan infra elektrik dalam pemasangan **dua (2) Pencawang Elektrik Utama (PMU) 140MW bagi menampung penggunaan perindustrian di KIGIP (Kos Projek sebanyak RM 100 juta)**; dan

Projek pengukuhan **sekuriti sumber air daripada Empangan Sungai Perak ke Empangan Bukit Merah bagi menaik taraf bekalan air di KIGIP (Kos projek sebanyak RM 2.68 bilion).**





# Misi **Pelaburan**

Lawatan Kerja
ke **Sarawak**
14 Mei 2023 - 18 Mei 2023

Lawatan Kerja ke **Finland dan Norway**
18 Jun 2023 - 26 Jun 2023

Lawatan kerja
ke **Thailand**
21 Julai 2023 - 23 Julai 2023

Lawatan Kerja ke
**Shanghai, Hangzhou, Nanning dan Guangzhou**
15 Oktober 2023 - 21 Oktober 2023

Lawatan kerja ke **Indonesia (Medan, Bogor & Jakarta)**
17 Disember 2023 - 20 Disember 2023

Lawatan Kerja ke **Mekah (Mekah Halal Forum)**
21 Januari 2024 - 26 Januari 2024

Lawatan Kerja
ke **Mesir**
11 Februari 2024 - 17 Februari 2024

Lawatan Kerja ke
**Korea dan Jepun**
20 April 2024 - 27 April 2024

# Sejahtera **Ekonomi**




## Zhejiang Sinopont Technology

# Zhejiang Sinopont Technology

**RM2 bilion pelaburan dari** Zhejiang Sinopont Technology

Dijangka kilang ini akan menyediakan **lebih 200 peluang pekerjaan.**

Zhejiang Sinopont telah memilih Perak sebagai destinasi untuk membuka kilang pertama di rantau Asia Tenggara.

Kilang baru ini telah mula beroperasi **pada 1 Mac 2024 untuk pembuatan filem enkapsulasi sel** solar yang berkapasiti pengeluaran sebanyak 85 juta meter persegi yang akan memenuhi 10 GW permintaan.





# Star Group Industri & Rare Earth Group Co. Ltd (CREG)

Syarikat **Star Group Industri** di Korea dan syarikat **Rare Earth Group Co. Ltd (CREG)** di China – iaitu dua syarikat gergasi dunia yang terlibat dalam industri mineral.

STAR GROUP IND.CO.,LTD.



# Tiga Jaringan Lebuh Raya

1. WCE
2. WISE
3. Tanjong Malim - Lumut

# Jaringan Pengangkutan

## Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE)

- Menghubungkan **Beruas sehingga Taiping Selatan** telah dibuka secara rasmi pada dan digunakan bermula **12 Mac 2024**



BH Selasa, 14 Mei 2024 — Nasional — 15

# WCE bakal anjak limpahan ekonomi Perak

Lebuh raya kurangkan masa perjalanan, jimatkan kos syarikat logistik dan perniagaan



2030 PERAK SEJAHTERA

**Ipoh:** Lebuhraya Pantai Barat (WCE) dijangka meningkatkan kecekapan pengangkutan, menggalakkan pertumbuhan serantau dan menyumbang kepada kemajuan ekonomi keseluruhan negara.

Lebuh raya sepanjang 233 kilometer dari Banting, Selangor ke Taiping, Perak itu akan menawarkan sambungan pengangkutan yang lancar serta kecekapan untuk pergerakan kargo ke pelabuhan dan sebaliknya.

Pembinaannya membabitkan semua seksyen di Perak iaitu Seksyen 8, 9, 10 dan 11 sudah siap sepenuhnya, dengan seksyen terakhir dibuka mulai 12 Mac lalu, dan dimanfaatkan pengguna lebuh raya, khusus pada Aidilfitri lalu.

Sebelum ini, Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) yang digunakan sejak akhir 1980-an, telah menyumbang dengan ketara kepada pembangunan pesat negara, terutamanya di sepanjang Pantai Barat Semenanjung Malaysia.

Bagaimanapun, dengan pertumbuhan pesat volum trafik dan permintaan mobiliti, PLUS tidak lagi dapat memenuhi keperluan secukupnya, sekali gus menghalang ekonomi negara daripada terus berkembang.

Oleh itu, kerajaan memutuskan membina alternatif di sepanjang Pantai Barat Semenanjung dari Banting ke Taiping untuk merangsang pertumbuhan.

Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Law Teik Hua, berkata WCE dibina dengan dua objektif utama.

*Law Teik Hua*

Pertama, untuk mengurangkan kesesakan teruk lalu lintas di PLUS, dengan menyediakan laluan alternatif bagi penumpang dan kargo.

Kedua, untuk berfungsi sebagai lebuh raya pelengkap kepada PLUS, memupuk pembangunan sosioekonomi kawasan Pantai Barat yang belum dibangunkan secukupnya setakat ini.

"Dengan memenuhi tujuan ini, WCE dijangka meningkatkan kecekapan pengangkutan, menggalakkan pertumbuhan serantau dan menyumbang kepada kemajuan ekonomi keseluruhan negara," kata Law dalam satu wawancara media.

Disebabkan sambungan WCE dengan rangkaian lebuh raya semasa - iaitu PLUS, Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE), Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE), Laluan Pintas Selat Klang Utara Baru (NNKSB), Lebuhraya Shah Alam (KESAS) dan Kuala Lumpur - Lebuhraya Kuala Selangor (LATAR), WCE akan menambah baik pergerakan kargo keluar masuk Pelabuhan Klang, yang memperkemas pengangkutan barangan dan membawa kepada penghantaran kargo lebih pantas.

Di Perak, projek pembangunan Bandar Perindustrian Maritim Lumut (LuMIC) dijangka meraih manfaat serupa dan WCE merupakan komponen penting kepada kejayaan LuMIC.

**Tingkat kecekapan**

Penganalisis industri, Syamsyul Samsudin berkata, WCE juga dijangka mengurangkan masa perjalanan, yang akan menghasilkan penjimatan kos untuk syarikat logistik dan perniagaan dengan mengurangkan penggunaan bahan api, kos penyelenggaraan serta kos pengangkutan keseluruhan.

Beliau yang juga Pensyarah Kanan (Kewangan dan Pelaburan) Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Universiti Teknologi MARA (UiTM), berkata rangkaian lebuh raya itu akan meningkatkan lagi kecekapan rantaian bekalan yang membawa kepada pengurangan masa utama, pengurusan inventori lebih baik dan perkhidmatan pelanggan dipertingkatkan untuk perniagaan yang bergantung pada penghantaran tepat pada masanya.

Pembukaan WCE turut dijangka memacu pembangunan taman perindustrian baharu, hab logisik dan pusat pengedaran di sepanjang lebuh raya, memusatkan penyatuan, penyimpanan dan pengagihan semula barangan.

"Hasilnya, ia akan mewujudkan rangkaian logistik yang teratur dan cekap di rantau ini," katanya.

Dengan rangkaian lebuh rayanya, WCE akan berintegrasi dengan rangkaian pengangkutan rel, udara dan marin sedia ada - mempromosikan ketersambungan antara mod, mengoptimumkan operasi logistik dan menyediakan pelbagai alternatif pengangkutan kargo.

WCE juga memendekkan masa perjalanan untuk meningkatkan hubungan antara satu lokasi ke lokasi lain, sambungan dan penggunaan lebih baik bagi rangkaian lebuh raya dan jalan raya sedia, terutamanya kesesakan lalu lintas yang digeruni pada musim perayaan dan cuti sekolah.

2030 PERAK SEJAHTERA

# Jaringan Pengangkutan

## Lebuhraya West Ipoh Span Expressway (WISE)

- Menghubungkan **Gopeng ke Kuala Kangsar** sejauh **60 kilometer**
- Alternatif kepada laluan **Terowong Menora** di Lebuhraya PLUS
- Rundingan pembinaan lebuh raya WISE telah memasuki **fasa akhir sebelum dilaksakan pada Jun 2024**

# Jaringan Pengangkutan

## Lebuhraya Tanjong Malim - Lumut

Kerajaan Perak telah mendaftarkan **projek lebuhraya terbaru** menghubungkan **Tanjong Malim ke Lumut**

# Jaringan Pengangkutan










## Jambatan Sultan Nazrin Shah

- Jambatan Sultan Nazrin Shah sepanjang **10.5 kilometer** di **Bagan Datuk** telah mula digunakan pada **31 Mei 2023**
- Memudahkan perhubungan rakyat dari **Pekan Bagan Datuk** ke **Lumut** dan **Manjung**
- **Memendekkan 50 minit** tempoh perjalanan antara **Ipoh dan Bagan Datuk**
- Memberikan **limpahan ekonomi** kepada penduduk setempat
- Anugerah **The Malaysia Book of Records Tahun 2023**

# Projek Perintis NR-REE

**Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG)** menganggarkan terdapat **1.69 juta tan metrik** deposit NR-REE di negeri Perak, dengan **anggaran nilai 40 bilion ringgit**

**Projek Perintis Perlombongan NR-REE** di atas kawasan seluas kira-kira **87.412 hektar (216 ekar)**

# Projek Perintis NR-REE

Sehingga **Mei 2024**, pihak syarikat telah berjaya mengeksport sebanyak **7,758.794 metrik tan *Rare Earth Carbonate* (REC)** ke Negara China melalui **22 kali penghantaran** dan telah menjana **royalti hampir RM29.73 juta (RM29,731,752.87)** kepada Kerajaan.




*Sesi lawatan Kilang Separtion Plant di CHINALCO Rare Earth Separion Plant, Chongzuo Guangx*

# Terra Mineral Lab Sdn. Bhd.

TERRA MINERAL LAB

Sebuah makmal analisis mineral yang menganalisis, mengenal pasti dan menentusahkan kandungan elemen mineral khususnya sumber mineral NR-REE.

TML juga mewujudkan pangkalan data rujukan pada Kerajaan Negeri dalam membangunkan industri nadir bumi dan **mengurangkan kebergantungan** pihak industri kepada makmal luar negara.



# Sasaran **Perak Sejahtera 2030**



Sejahtera
**Sosial**

# Memakmurkan **Negeri**

***Hasil Pelaburan***




Peningkatan sebanyak **RM1.0 bilion** berbanding tahun 2022

**356 projek** yang diluluskan

Mewujudkan lebih **3,584 peluang pekerjaan**

# Memakmurkan **Negeri**






Menunjukkan *trend* penurunan ;

**2021 - 5.3%**

**2022 - 4.6 %**

**2023 - 3.3 % (suku ke-4)**

# Memakmurkan **Negeri**



## Hasil Negeri

**2022**

31 DISEMBER 2022

**RM1.09 bilion**

**2023**

31 DISEMBER 2023

**RM1.21 bilion**

Angka tertinggi pernah direkodkan, mengatasi 7% sasaran RM1.13 bilion yang diunjurkan

# Memakmurkan **Negeri**



# Sejahtera **Sosial**



## Bantuan JKM

Kadar Bantuan

| 2023 | 2024 |
|---|---|
| **RM300** | **RM400** |

## Kad Perak Sejahtera

Kadar Bantuan

| 2022 | 2023 | 2024 |
|---|---|---|
| **RM80/sebulan** | **RM90/sebulan** | **RM100/sebulan** |

# Kemiskinan dan **Bantuan Kebajikan**



**Program One Stop Centre (OSC) Sejahtera Sosial Negeri Perak**

**Kad Perak Sejahtera Negeri Perak**

**Kedai Bergerak Negeri Perak (KBNP)**

# Sejahtera **Sosial**

## Program One Stop Centre (OSC) Sejahtera Sosial Negeri Perak

Program ini menghimpunkan semua agensi pemberi bantuan dan perkhidmatan di bawah satu platform, membantu mudahkan miskin tegar dalam mendapatkan bantuan yang diperlukan

2 program One Stop Centre telah dianjurkan di daerah Manjung dan Larut, Matang dan Selama:

I

**DAERAH MANJUNG**

- Diadakan pada **11 November 2023** di **Dewan Merdeka, Manjung**
- **Lebih** daripada **1,500 orang pengunjung** dan **20 agensi** pemberi bantuan

II

**DAERAH LARUT, MATANG & SELAMA**

- Diadakan pada **24 Februari 2024** di **Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), Taiping**
- **Lebih** daripada **1,700 orang pengunjung** dan **34 agensi** pemberi bantuan, **5 syarikat** temu duga terbuka

III

**DAERAH HULU PERAK**

- Diadakan pada **2 Jun 2024** di **Dewan Serbaguna Majlis Daerah Gerik**
- Lebih daripada **1,500 orang pengunjung** dan **34 agensi** pemberi bantuan

# Sejahtera **Sosial**

## Program One Stop Centre (OSC) Sejahtera Sosial Negeri Perak

- Puan Hasida Saad berjaya **meraih** pendapatan **RM1,500 sebulan** menerusi **jualan sandwich di Beruas**
- Hasil daripada **kursus jangka pendek penyediaan sandwich** yang ditawarkan di Program OSC
- **Kursus jangka pendek** yang ditawarkan melalui Program OSC **berjaya** bantu kira-kira **150 golongan miskin tegar** ubah nasib, jana pendapatan menampung keperluan kehidupan



JUMAAT 22 MAC 2024 Negara! 9

### Program OSC bantu suri rumah jana pendapatan tambahan

2030 PERAK SEJAHTERA

IPOH – Seorang suri rumah tersenyum lega apabila berjaya meraih pendapatan RM1,500 sebulan menerusi hasil jualan sandwic di sekitar Beruas di sini, sekali gus membantu menambah pendapatan keluarganya.

Menurut Hasida Saad, 41, pendapatan itu diraih selepas mengikuti kursus jangka pendek penyediaan sandwic ditawarkan Program One Stop Centre (OSC) Sejahtera Sosial Negeri Perak.

"Menerusi program itu, saya kini lebih berpengetahuan tentang penyediaan makanan dan mampu membantu suami, Mohd. Rizal Abd. Aziz, 43, yang bekerja sebagai penoreh getah di Gerik.

"Alhamdulillah, saya dapat meraih sekitar RM1,500 dan jumlah itu dapat membantu kami dalam melunaskan komitmen bulanan keluarga seperti bil elektrik serta air," katanya.

Dalam pada itu, Pengarah Pembangunan Negeri Perak, Datuk Shamshuzaman Sulaiman berkata, program OSC Sejahtera Sosial Negeri Perak berjaya membantu kira-kira 150 golongan miskin tegar mengubah nasib menerusi kursus jangka pendek.

Beliau berkata, antara kursus bersifat 'quick win' yang ditawarkan ialah penghasilan mi kuning, selenggara penyaman udara, penyediaan surprise bouquet dan penyediaan aiskrim Malaysia.

"Kursus selenggara dan penggunaan mesin rumput turut ditawarkan dengan peserta diberikan sebuah mesin rumput bagi pencarian pendapatan," katanya.

Tambahnya, program berkenaan selaras dengan Flagship 6: Membasmi Miskin Tegar 2025 di bawah Pelan Perak Sejahtera 2030, dengan Pejabat Pembangunan Negeri Perak dilantik bagi menerajui flagship itu.

Jelasnya, program rintis yang pertama telah diadakan di Dewan Merdeka, Seri Manjung pada 11 November 2023 membabitkan 1,500 orang peserta terdiri daripada kumpulan miskin dan miskin tegar eKasih.

"Program OSC kedua dilaksanakan di Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), Taiping pada 24 Februari 2024 membabitkan lebih 1,700 orang peserta.

PARA peserta tekun melihat cara-cara penyediaan makanan menerusi kursus jangka pendek yang ditawarkan menerusi Program One Stop Centre (OSC) Sejahtera Negeri Perak baru-baru ini.

# Sejahtera **Sosial**

## Menoktahkan Kemiskinan



Sinar Harian

Perak berjaya noktah kemiskinan tegar tahun ini

Oleh SAIFULLAH AHMAD
02 Jun 2024 06:26pm Masa membaca: 4 minit

*Untuk berita terkini Sinar Harian, ikuti di Telegram dan TikTok kami*

GERIK - Kerajaan negeri Perak berjaya menoktahkan kemiskinan tegar melibatkan 8,128 Ketua Isi Rumah (KIR) bagi data yang dikunci sehingga 1 Februari 2024.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, kejayaan itu hasil keberkesanan program One Stop Centre Sejahtera Sosial Negeri Perak yang dilaksanakan kerajaan negeri.

Menurutnya, melalui program tersebut, agensi pemberi bantuan dapat diselaraskan bagi memastikan tidak berlaku pertindihan.

"Kita mula lancarkan program ini di daerah Manjung dengan tujuan menyelaraskan agensi ini. Kalau dulu MAIPk (Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak) ada cara dia, Felcra ada cara dia, JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat) ada cara masing-masing.

"Ada yang kita bagi wang seperti orang uzur terlantar tapi ada yang kita sediakan peluang melalui agensi untuk mengembangkan perusahaan, perniagaan mahu pun bakat dia. Jadi kita salur kepada mereka untuk keluar dari kemiskinan ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program One Stop Centre Sejahtera Sosial Negeri Perak Daerah Hulu Perak di Dewan Serbaguna Majlis Daerah Gerik di sini pada Ahad.

# Pengupayaan **Ekonomi Rakyat**



**Geran Usahawan Perak Sejahtera (GeRAK)**

**Program E Jualan Wanita (E-Juwita)**

**Pinjaman Tanpa Faedah dan Geran Usahawan Asnaf/OKU**

# Keusahawanan



## Geran Usahawan Perak Sejahtera (GeRAK)

Program bantuan kewangan berbentuk **one-off** dengan jumlah maksimum **RM2,000.00** bagi membantu usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS)

Tahun 2023, **771 usahawan** berjaya memperoleh geran dengan jumlah peruntukan **RM1,470,716.88**

**92% usahawan** Perak berjaya **meningkatkan pendapatan** dan **meningkatkan kapasiti pengeluaran produk** mereka, **89% usahawan** dapat **kurangkan kos operasi** perniagaan usahawan

Geran ini diteruskan pada tahun 2024 dengan **peruntukan RM1.3 juta**, menyasarkan **600 usahawan** yang bakal menerima manfaat

# Keusahawanan



## Geran Usahawan Perak Sejahtera (GeRAK)

- Menerusi **GeRAK** bernilai **RM10,000.00, Sambal Talang Tok Baqq** jalani transformasi dalam 3 aspek, iaitu **pembungkusan**, **pengesahan nutrisi** dan **pendaftaran produk serta perkara berkaitan dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)**
- Dengan bantuan **STeP**, produk ini berjaya dijual kepada masyarakat umum – menembusi **pasar raya tempatan**, **33 cawangan pasar raya Ekono Jaya di Perak Utara**, **Pulau Pinang** dan **Kedah**. Turut dijual di stesen minyak **Petronas, Pendang**
- Berjaya menembusi pasaran **Singapura** melalui **Ekspo Malaysia Fest 2023**



Kosmo! JUMAAT 5 JANUARI 2024 — Negara! 7

### Sambal Talang Tok Baqq testimoni kejayaan STeP

2030 PERAK SEJAHTERA

Oleh LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR

SERI ISKANDAR – Produk berasaskan ikan yang diusahakan pasangan suami isteri di sini, Sambal Talang Tok Baqq menjadi antara testimoni kejayaan usahawan yang dibantu oleh Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP).

Menurut Pemilik Qutie Saujana Ent., Suryawati Salleh, syarikatnya itu mula memasarkan sambal menggunakan resepi turun-temurun keluarganya sejak 2022, namun berjaya melangkah jauh menerusi geran STeP yang diterima tahun lalu.

Katanya, menerusi Geran Usahawan Perak (GeRAK) bernilai RM10,000, Sambal Talang Tok Baqq menjalani transformasi dalam tiga aspek iaitu pembungkusan, pengesahan nutrisi dan pendaftaran produk serta perkara berkaitan dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).

SURYAWATI (kiri) dan Ku Wahab bersama produk sambal berasaskan ikan talang yang dihasilkan syarikat mereka di Seri Iskandar.

dalam melonjakkan jualan sekali gus membantu kami mengembangkan syarikat ...

nya kepada Kosmo! di sini semalam.

Mengulas lanjut, Suryawati ...

Katanya, terdapat enam variasi Sambal Talang Tok Baqq, dengan ...

Allahyarham Rahmah Shafiee, 55, telah menembusi pasar raya tempatan iaitu 33 cawangan pasar raya Ekono Jaya di Perak Utara, Pulau Pinang dan Kedah bahkan turut dijual di stesen minyak Petronas di Pendang.

Sementara itu, Pengurus Qutie Saujana Ent., Ku Nazri Wahab berkata, produk itu juga dibantu oleh ejen syarikat berkenaan yang banyak membantu melariskan jualan.

Bahkan, katanya, kekerapan ejen memohon untuk dibekalkan semula Sambal Ikan Talang Tok Baqq juga semakin meningkat saban hari ekoran permintaan tinggi daripada para peminat makanan tradisional berkenaan.

"Dalam sebulan, kami memasak sebanyak 16 kawah sambal ikan talang ini. Secara purata, kira-kira 1,920 botol produk berkenaan dikeluarkan oleh syarikat dan ia dibekalkan kepada ejen serta cawangan-cawangan pasar raya berkenaan.

"Kami juga berjaya memasarkan produk ini ke pasaran negara luar seperti Singapura apabila produk ini diperkenalkan kepada pengguna negara jiran itu ketika Ekspo Malaysia Fest 2023 di Singapura tahun lalu," katanya.

Program 1 Daerah 1 Aktiviti Ekonomi yang terletak di salah satu program flagship kelima Perak Sejahtera ...








# Keusahawanan

## Program E Jualan Wanita (E-Juwita)

Program anjuran **Wanita Perak, STeP, SKMM** di setiap **24 parlimen** melalui **Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) dengan peruntukan RM58,080.00**

**720 orang usahawan** wanita di negeri Perak terima manfaat dengan pecahan **30 penyertaan usahawan wanita** di setiap parlimen

Usahawan yang **dilatih akan dipantau** dalam **tempoh 6 bulan**

# Keusahawanan

## Program E Jualan Wanita (E-Juwita)

- Puan Jamaliah Md Yatim, pemilik perniagaan **kuih sejuk beku Jwan Delight** memfokuskan kepada **pemasaran produk secara dalam talian** bantu tingkatkan jualan produk sehingga **50%**
- **Sebelum** menyertai program ini, beliau meraih pendapatan lebih kurang **RM800.00 sebulan**. **Kini**, beliau mendapat lebih kurang **RM2,000.00 hingga RM3,000.00 sebulan**



6 | UTUSAN MALAYSIA
KHAMIS • 26 OKTOBER 2023
Dalam Negeri

# E-Juwita tingkat jualan usahawan kecil

OLEH LIYANA RAMLI
utusannews@mediamulia.com.my

IPOH: Program E-Jualan Wanita (E-Juwita) berjaya meningkatkan hasil jualan produk dalam kalangan pengeluar kuih beku secara kecil-kecilan.

Fokus program E-Juwita yang dilancarkan Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad 8 September lalu ialah membangunkan usahawan wanita yang mempunyai perniagaan secara kecil-kecilan memasarkan produk melalui platform digital seperti Lazada, Shoppe, Tiktok dan sebagainya.

Program tersebut sejajar dengan matlamat dalam pelan Perak Sejahtera 2030.

Program dikendalikan oleh Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat (Wanita Perak), Sekretariat Pembangunan Usahawan (STeP) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) negeri Perak melibatkan 24 kawasan Parlimen di negeri ini.

Pemilik perniagaan kuih sejuk beku Jwan Delight di sini, Jamaliah Md Yatim, 52, berkata, program E-Juwita yang memfokuskan pemasaran produk secara dalam talian terbukti membantu meningkatkan jualan produknya sehingga lebih 50 peratus.

"Saya bersyukur diberi peluang menyertai program ini kerana bukan sahaja hasil jualan meningkat tetapi ilmu pemasaran yang diperoleh sangat berguna dalam perniagaan.

"Sebelum menyertai program ini, saya meraih pendapatan lebih kurang RM800 sebulan tetapi kini saya dapat lebih kurang RM2,000 hingga RM3,000 sebulan," katanya.

Menurut Jamaliah, melalui program itu dia dapat menguasai teknik pemasaran secara dalam talian yang secara tidak langsung membantu meningkatkan jualannya.

Katanya, sejak menyertai program itu, hasil jualannya mencatat peningkatan ketara berbanding sebelum ini.

Menurutnya, dalam masa sehari, dia mampu menghasilkan lebih kurang 2,000 biji kuih karipap sejuk beku.

"Melalui menye[...] ini, kami usahawan [...] rima peruntukan R[...] ada sebagai moda[...] memulakan perni[...] membeli peralatan [...]

"Saya berhasrat [...] beli mesin bagi m[...] penghasilan kuih [...] nyak dan cepat," ka[...]

Menurut Jamalia[...] mulakan perniagaa[...] kerajaan negeri ba[...] bantu mengembang[...] gannya.

"Saya harap den[...] kerajaan negeri ini[...] mengembangkan [...] gaan ke tahap lebi[...] tanya.

JAMALIAH Md. Yatim menyiapkan tempahan kuih sejuk be[...] diusahakannya di Ipoh, Perak. - UTUSAN/LIYANA RAMLI






# Keusahawanan

## Geran Bantuan Pembangunan Gerakan Koperasi

**Geran Bantuan Pengurusan Koperasi** Untuk "start-up" dengan memberi fokus kepada aspek pengurusan koperasi baharu (G-Kop Urus)

**Geran Bantuan Pemulihan Perniagaan Koperasi:** Memberi fokus kepada koperasi yang menjalankan aktiviti berkaitan dengan sekuriti makanan dan juga lain-lain aktiviti yang perlu dipulihkan (G-Kop Pulih)

**Geran Bantuan** kepada gerakan koperasi melalui **Program Penanda Aras**: Mengiktiraf koperasi berjaya sebagai mentor kepada gerakan koperasi yang memerlukan bimbingan dan sokongan

# Keusahawanan

## Pinjaman Tanpa Faedah dan Geran Usahawan Asnaf/OKU

Faedah disediakan kepada **usahawan** dalam bidang **pertanian, perikanan dan penternakan**

Pinjaman antara **RM3,000.00 sehingga RM10,000.00** dengan **bayaran balik maksimum** selama **5 tahun berjaya** menyantuni **92 usahawan** dengan **peruntukan RM2,922,000.00**

Program ini membantu **usahawan dalam sektor tanaman, perikanan, penternakan dan produk hiliran pertanian**

**Geran Usahawan Asnaf/OKU** membantu usahawan yang berdaftar dengan **eKasih,** mempunyai **kad orang kurang upaya, berdaftar** dengan **Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)**

Inisiatif ini telah berjaya membantu seramai **22 orang usahawan dengan peruntukan RM99,038.00**

# Keusahawanan

Majlis Pembentangan
LAPORAN KEMAJUAN
TAHUN KEDUA
PERAK
SEJAHTERA
2030

## Pinjaman Tanpa Faedah dan Geran Usahawan Asnaf/OKU


Nasional

Selasa, 5 September 2023

## Insentif Perak SADC beri kelegaan pengusaha pembenihan ikan arowana

Pinjaman tanpa faedah dimanfaat sebaiknya demi kelangsungan perniagaan


Nasional

## Lulusan kejuruteraan usaha tanaman cili

Kebun seluas 0.1 hektar mampu hasilkan dua tan cili semusim


Nasional

## STeP dorong bekas gelandangan jadi tauke pekasam

Sharifah Nurul Shahida buka kilang, hasilkan sembilan jenis produk


Utusan Malaysia
KHAMIS • 29 FEBRUARI 2024 7

APONG Baher (kiri) menunjukkan pokok kopi yang berusia lebih tiga tahun di Kampung Palawan, Langkap, Teluk Intan. – UTUSAN/ MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM

## Orang Asli pasarkan buah kopi Arabica

Oleh MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM


Harian Metro | Rabu 28.06.2023

lokal

## Cara Perak bantu OKU

Pemuda pekak bisu kini menjadi penternak lembu berjaya


Harian Metro | Rabu 12.07.2023

lokal

## Pokok kantan ubah nasib

Pasangan raih pendapatan bulanan hasil bantuan Geran Usahawan Asnaf Berjaya

2030
PERAK
SEJAHTERA

## Program Peluasan Pasaran Produk dan Perkhidmatan Usahawan Negeri Perak

STeP
SEKRETARIAT USAHAWAN NEGERI PERAK

**61 penyertaan** usahawan Perak **RM881,105.30 jualan** tunai

**RM26 juta** jualan potensi dalam bentuk MoU dan kontrak pembekalan dan jualan berjaya dicatatkan

# Program Peluasan Pasaran Produk dan Perkhidmatan Usahawan Negeri Perak

Usahawan Perak yang terpilih untuk menyertai expo atau pameran




Malaysia Fest 2024 di Singapura




Expo Fine Food 2024 di Australia




MIHAS 2024 (Kuala Lumpur




China – Asean Expo (CAEXPO) 2024 di China

Selangor International Business Summit (SIBS) 20 di Kuala Lumpur







MIHAS@Dubai di Dubai

# Kemiskinan **dan Bantuan Kebajikan**

Majlis Pembentangan
LAPORAN KEMAJUAN
TAHUN KEDUA
PERAK
SEJAHTERA
2030

## Kedai Bergerak Negeri Perak (KBNP)

- Bermula **Jun 2023 hingga Mei 2024**, KBNP telah beroperasi di **165 lokasi** sekitar Perak
- Jumlah jualan **RM1,073,392.10**
- **5,260 pelanggan** menerima manfaat
- Jumlah **diskaun RM279,771.42**
- Sebuah **lori KBNP** akan **ditambah pada tahun 2024**


Kedai Bergerak Negeri Perak ringankan beban penduduk





Sanggup datang awal sebab tawaran harga murah






# Perumahan **Rakyat**

- **2018** hingga **2023 - 8,030 unit rumah** mampu milik siap dibina di **Perak**

- **1,200 unit** rumah melalui **3 Program Perumahan Rakyat**

# Perumahan **Rakyat**



## Skim Sewa Sejahtera (SSPS)

Program ini telah dimulakan pada **November 2023** dengan **12 unit Rumah Mampu Milik** di **Taman Perakku Sedang, Sitiawan**

**LPHP** akan **menambah** bilangan unit rumah SSPS, iaitu **2** buah rumah di L**ahat Permai, Lahat** dan **42** buah rumah di **Kuarters Jalan Raja Syed Thaupy, Kerian**

Mengenal pasti **lokasi baru** bagi SSPS antaranya di **Batang Padang, Bidor** dan **Seri Iskandar**



Kosmo! JUMAAT 25 OGOS 2023 — Negara! 7

**Sewa 20% lebih rendah di bawah Skim Sewa Perak Sejahtera**

2030 PERAK SEJAHTERA

Oleh LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR

**IPOH** – Skim Sewa Perak Sejahtera (SSPS) merupakan satu daripada pelbagai inisiatif kerajaan negeri Perak bagi membantu golongan sasaran untuk menyewa kediaman pada harga lebih rendah daripada nilai pasaran.

Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP), Mohamed Akmal Dahalan berkata, SSPS yang diumumkan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad baru-baru ini dimulakan di daerah Manjung iaitu Taman Perakku Serdang di Sitiawan.

Beliau berkata, untuk permulaan, sebanyak 12 buah rumah mampu milik di taman tersebut akan terlibat dengan skim berkenaan.

"Mereka yang terpilih untuk menyewa di bawah SSPS akan ditawarkan diskaun 20 peratus daripada kadar semasa sewaan di satu-satu kawasan.

"Ini bermakna, sebagai contoh, sekiranya kadar sewa di sebuah taman itu adalah sekitar RM600, peserta skim berkenaan hanya perlu membayar sewa RM480 sahaja," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Pada masa sama, Mohamed Akmal berkata, pihaknya menjangkakan kemasukan ke 12 unit rumah di Taman Perakku Serdang pada hujung tahun ini.

"Skim ini akan diperluaskan di kawasan lain juga di negeri ini. Kita akan lihat keperluan untuk menawarkan SSPS di lokasi-lokasi berkenaan dan antara perkara akan dikaji termasuklah aspek permintaan di sana.

"Kita telah mengenal pasti beberapa lokasi bagi SSPS antaranya di Batang Padang, Bidor dan Seri Iskandar," katanya yang turut memaklumkan, jumlah rumah ditawarkan di suatu kawasan berbeza mengikut permintaan.

Mohamed Akmal berkata, SSPS juga tidak hanya tertakluk kepada suatu kawasan kediaman yang sedang dibangunkan kerana ia turut boleh dilaksanakan di lokasi perumahan sedia ada.

"Jika suatu kawasan itu tiada projek perumahan, kita mempunyai pilihan untuk membeli hartanah di kawasan yang telah siap dibangunkan.

."Kemudiannya kita akan jadikan unit-unit yang dibeli tersebut sebagai sebahagian daripada SSPS.

"Paling penting tujuan kita adalah membantu golongan sasaran untuk menyewa dengan kadar lebih rendah daripada nilai semasa," katanya.

Menurutnya, antara syarat ditetapkan bagi pemohon SSPS termasuklah berusia 18 tahun ke atas, berstatus warganegara, mempunyai pendapatan tetap, dengan keutamaan akan diberikan kepada pemohon yang pendapatan isi rumahnya RM8,000 sebulan serta telah berkahwin.

"Tujuan SSPS dilaksanakan ialah untuk menyediakan perumahan kepada golongan yang masih belum berkemampuan untuk membeli rumah sendiri atau tidak layak mendapat pembiayaan kewangan pembelian rumah.

"Selain itu, inisiatif ini juga menyokong agenda Perak Sejahtera 2030 iaitu untuk menyediakan perumahan yang berkualiti kepada rakyat Perak," katanya.

Tambahnya, LPHP akan mengeluarkan panduan kaedah permohonan melalui laman web kami dalam masa terdekat.

**MOHAMED AKMAL menunjukkan model rumah mampu milik di pejabat LPHP, Meru, Ipoh semalam.**

# Perumahan **Rakyat**

## Skim Rumah Perakku

**Tahun 2021 - 2023**
**3,134 unit rumah**

**5 Projek Rumah Perakku** dijangka akan disiapkan pada tahun **2024**



6 Dalam Negeri

Rumah Perakku mampu milik, selesa dan berkualiti



Harian Metro | Rabu 04.10.2023

13 lokal

SSI KOMITED BINA RUMAH MAMPU MILIK

10,043 unit siap menjelang 2028

"Tanah yang sudah dikenal pasti berpotensi dimajukan, kami akan bagi keutamaan berdasarkan kesesuaian tapak dan aspek lokasi serta permintaan di kawasan itu"



Impian miliki rumah sendiri tercapai

**447 pembeli**

**Rumah Perakku Taman Perakku Serdang, Sitiawan**

**347** buah kediaman mampu milik

**100** buah kediaman kos rendah

# Perumahan **Rakyat**

## Program Sayangi Rumahku

Program pembangunan perumahan bagi **golongan kurang berkemampuan** yang **berdaftar dengan e-Kasih**

Program **bantuan rumah tanpa bayaran** dalam **bentuk baik pulih atau bina baharu rumah** khusus kepada **miskin tegar, miskin dan golongan kategori B40**

**539 orang** telah menerima manfaat bantuan

**439 rumah** sudah dibaik pulih dan **100 rumah bina baharu** telah dibina

# Memperkasa **Pendidikan**



**Tuisyen Cikgu Saarani**

- Program latih tubi menjelang peperiksaan
- Penyediaan bahan pengajian berasaskan video interaktif
- Telefon Pintar Percuma
- Kit Pergigian Murid
- Studio Cikgu Saarani

# Memperkasa **Pendidikan**

## Program Bantuan Makanan Percuma

Bantuan Makanan Percuma murid SPM, SPMV, STPM, dan STAM

Sehingga Mac 2024, **27,000 murid** telah menerima bantuan makanan percuma



Utusan Malaysia
KHAMIS • 4 JANUARI 2024 | 7

SAARANI Mohamad (tengah) dan Nasreen Khanum Nawab Zadah Khan (tiga dari kiri) bersama wakil syarikat milik kerajaan yang memberikan sumbangan kewangan bagi Program Bantuan Makanan Percuma di bawah Inisiatif Tuisyen Cikgu Saarani di Ipoh, baru-baru ini. – UTUSAN/IHSAN YAYASAN PERAK

### 26,667 pelajar di Perak terima bantuan makanan percuma

Oleh SAYED HESHAM IDRIS
utusannews@mediamulia.com.my

**IPOH:** Seramai 26,667 calon peperiksaan awam 2023 di seluruh negeri menerima manfaat daripada Program Bantuan Makanan Percuma di bawah Inisiatif Tuisyen Cikgu Saarani.

Pengurus Besar Yayasan Perak, Nasreen Khanum Nawab Zadah Khan berkata, bantuan melibatkan 23,664 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), 2,933 calon Sijil Pelajaran Tinggi Malaysia (STPM) dan 70 calon Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).

Menurutnya, program yang diilhamkan Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad di bawah pelan Perak Sejahtera 2030 itu menyediakan bantuan makanan percuma selama 20 hari sepanjang peperiksaan, kelas tambahan dan tuisyen.

"Tahun ini program diteruskan untuk tahun ketiga. Pengisiannya masih dikekalkan iaitu makanan tengah hari kepada pelajar semasa kelas tambahan bermula cuti penggal ketiga 2023/2024 pada 15 Disember lalu hingga ke tarikh peperiksaan pada 21 Mac depan.

"Bagi memudahkan urusan penyediaan makanan, kantin sekolah dilantik sebagai pembekal makanan percuma dengan kadar RM5 sehari.

"Pihak sekolah sendiri menentukan pelaksanaan bantuan mengikut kesesuaian hari dan jadual peperiksaan pelajar," katanya.

Nasreen Khanum berkata, peruntukan RM2.67 juta disediakan di bawah program itu dengan Yayasan Perak dan Jabatan Pendidikan negeri menjadi penyelaras bersama untuk memastikan peruntukan disalurkan tanpa masalah.

Beliau berkata, program yang diperkenalkan kerajaan negeri pada 2021 itu menyasarkan pelajar dari keluarga B40.

Katanya, inisiatif kerajaan negeri itu mendapat sokongan kewangan daripada syarikat milik kerajaan negeri (GLC) iaitu Lembaga Air Perak (LAP), Perbadanan Negeri Perak, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak, Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri dan MB Incorporated.

"Setiap tahun, semua GLC tersebut menyediakan sumbangan kewangan berjumlah RM3.4 juta bagi tujuan program ini dan beberapa komponen lain di bawah Inisiatif Tuisyen Cikgu Saarani," katanya.

Menurutnya, berdasarkan statistik peperiksaan SPM 2022, program bantuan makanan percuma itu membantu meningkatkan tahap pencapaian dalam semua peperiksaan awam di sekolah-sekolah terlibat.

Katanya, terdapat sekolah mencatat peratusan pelajar layak sijil SPM 2022 meningkat di antara 30 hingga 56 peratus berbanding keputusan peperiksaan percubaan.

"Program ini meningkatkan pencapaian keseluruhan negeri bagi peratus layak sijil SPM kepada 90.1 peratus tahun lalu.

"Program ini turut merapatkan jurang pencapaian akademik antara sekolah luar bandar dan bandar selain meringankan bebanan ibu bapa yang mempu-

# Memperkasa **Pendidikan**



## Tuisyen Cikgu Saarani

- Muhammad Thaqif Amsyar, seorang pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Perak memanfaatkan sepenuhnya **inisiatif TCS** bagi tingkatkan prestasi pembelajarannya
- TCS memudahkan beliau **melatih tubi** setiap hari – tiap soalan dikemukakan melalui TCS mirip dengan tahap sebenar SPM.
- Thaqif yang bercita-cita menjadi seorang akauntan ini berjaya mendapat **6A+, 2A dan 1B dalam peperiksaan percubaan**



Kosmo! JUMAAT 26 JANUARI 2024 — Negara! 7

### Tuisyen Cikgu Saarani beri keyakinan pada calon SPM

Oleh WAT KAMAL ABAS

PARIT BUNTAR – Program Tuisyen Cikgu Saarani (TCS) yang merupakan inisiatif di bawah pelan Perak Sejahtera 2030 dimanfaatkan sepenuhnya oleh seorang pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Perak di sini bagi meningkatkan prestasinya dalam pembelajaran.

Pelajar tersebut, Muhammad Thaqif Amsyar Azman, 17, berkata, dia manfaatkan TCS bagi mengulang kaji pembelajaran dan melatih tubi ke atas tujuh mata pelajaran dan mempersiapkan dirinya untuk menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun ini.

"Bagi saya platform TCS memudahkan untuk saya melatih tubi pada setiap hari sekali gus membantu meningkatkan prestasi saya dalam pembelajaran.

"Dalam peperiksaan percubaan yang lalu, saya mendapat 6A+ dan 2A serta 1B hasil dari mengikuti TCS sejak September tahun lalu," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di kediamannya di Taman Seri Semarak di sini.

Menurut Muhammad Thaqif Amsyar, setiap soalan dikemukakan melalui TCS bukanlah mudah atau rendah kesukarannya tetapi soalan yang mirip dengan tahap sebenar peperiksaan SPM.

"Setiap soalan yang disediakan oleh TCS akan dijawab mengikut bab urutannya dan dengan cara ini saya akan tahu di bahagian mata pelajaran yang mana saya lemah dan perlu diperbaiki.

"Sebagai contohnya dalam subjek mata pelajaran sejarah, TCS menyediakan soalan mengikut fasa, jadi jika saya lemah untuk menjawab soalan disediakan maka saya hanya perlu membuat ulang kaji pelajaran berkaitannya sahaja tanpa perlu mengulang kaji keseluruhan bab subjek tersebut," katanya.

Anak keempat dari lima beradik hasil perkongsian hidup Azman Samat, 53, bersama isterinya, Noor Hamimi Abd. Hamid, 48, itu berkata, dia ingin mendapatkan keputusan cemerlang di dalam SPM nanti bagi mencapai impian cita-citanya menjadi seorang akauntan.

"Pada masa ini saya memberi fokus dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris melalui TCS untuk memperbaiki kelemahan yang ada supaya keputusan pada peperiksaan percubaan yang lalu iaitu B akan mendapat sekurang-kurangnya A-," katanya.

Sementara itu, Noor Hamimi berkata, program TCS yang telah dilancarkan oleh Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad pada 2021 ternyata memberi manfaat kepada anaknya itu sehingga mampu meningkatkan prestasi dalam pembelajaran dari semasa ke semasa.

MUHAMMAD THAQIF AMSYAR (dua dari kiri) menunjukkan telefon bimbit yang digunakannya untuk mengulang kaji pelajaran menjelang peperiksaan SPM akan datang di Parit Buntar.

# Memperkasa **Pendidikan**

## Tuisyen Cikgu Saarani












# Pendidikan

**Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTDR) Tambun**

- SMTDR Tambun **mula beroperasi** pada **Mei 2024**
- Memuatkan **150 orang pelajar** yang lengkap dengan pelbagai kemudahan yang selesa – bilik darjah, wakaf bagi halaqah, makmal sains yang lengkap dengan peralatan, makmal komputer, asrama, surau, dewan dan pelbagai fasiliti lain
- **5** buah SMTDR telah dibina oleh Kerajaan Negeri, iaitu:

SMTDR **Manjung**

SMTDR **Kerian**

SMTDR **Batang Padang**

SMTDR **Lenggong**

SMTDR **Tambun**

# Pembangunan **Modal Insan**

## Perak Koridor TVET Negara

- TVET Exchange Programme (TEP)
- Jelajah Kerjaya Perak Sejahtera Daerah
- TVET Modular Industri
- TVET OKU
- TVET Anak Yatim
- TVET Orang Asli
- TVET Warga Emas
- Program Santunan Kasih

# Pembangunan **Modal Insan**

## TVET Exchange Programme (TEP)

Kerajaan Negeri menghantar **55 orang belia** ke negara pelopor TVET, **Jerman** dan **China** untuk mengikuti **latihan kemahiran jangka pendek dan panjang**

**China**

**50** belia anak Perak akan sertai **Program Malaysia-China Youth TVET Training (MCYTT)**

**Jerman**

**5** orang anak Perak akan dihantar ke **Jerman: Program Latihan Dual Vacational Ausbildung**






# Pembangunan **Modal Insan**

## Jelajah Kerjaya Perak Sejahtera Daerah

**7 daerah**
- Manjung
- Kampar
- Kerian
- Kinta
- Muallim
- Perak Tengah
- Larut, Matang dan Selama

**14,000 kekosongan jawatan**

**114 majikan**









# Pembangunan **Modal Insan**

## TVET Modular Industri

- **Kursus jangka pendek** yang ditawarkan kepada **anak kelahiran Perak**
- Berkonsepkan **Train and Place pacuan industri**
- Sehingga **Mac 2024, 391 peserta** telah diterima untuk bekerja di syarikat yang berdaftar dengan Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK)





# Pembangunan **Modal Insan**



## TVET Modular Industri

- Puan Nurain Abdul Malek, pemilik **Lily's Confinement**, juga seorang ejen hartanah mampu jana pendapatan tambahan selepas mengikuti **kursus** di **PASAK**, menjalankan **khidmat spa bergerak** secara sambilan bagi penjagaan ibu selepas bersalin dan berpantang di sekitar **Tapah**, **Tapah Road** dan **Bidor**.





# Nurain tawar urut bersalin 'bergerak'

## Ejen hartanah jana pendapatan tambahan selepas ikuti kursus di PASAK

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
bhnews@bh.com.my

**Tapah:** Permintaan khidmat urutan bersalin dalam kalangan ibu muda sentiasa ada, sekali gus membuka peluang kepada seorang ejen hartanah menjalankan khidmat spa bergerak untuk golongan berkenaan.

Nurain Abdul Malek, 35, bijak merebut peluang itu dengan menjalankan khidmat spa bergerak secara sambilan bagi penjagaan ibu selepas bersalin dan berpantang sejak dua tahun lalu.

Walaupun sibuk dengan tugasan hakikinya sebagai perunding hartanah dan menguruskan tiga anak kecil berusia dua hingga lima tahun, beliau berupaya membahagikan masa untuk menawarkan perkhidmatan spa bergerak di sekitar kawasan Tapah, Tapah Road, serta Bidor.

Menurutnya, bidang penjagaan berpantang mula diceburi ketika baru melahirkan anak bongsunya.

Beliau kemudian memilih menjalankan khidmat urutan bersalin bergerak dan secara solo di bawah jenama Lily's Confinemenet: Rawatan Ibu & Anak selepas mengikuti kursus di bawah Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) iaitu Sekretariat Jawatankuasa Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) negeri Perak pada April lalu.

PASAK diletakkan sebagai agensi peneraju berdasarkan dua *flagship* atau intipati iaitu 'Koridor TVET Malaysia' serta 'Program Pembolehdayaan Modal Insan & Pembelajaran Sepanjang Hayat' di bawah sasaran '1 Warga 1 Skil (kemahiran)' dalam mencapai agenda pelan Perak Sejahtera 2030.

"Sebelum ini, saya menjalankan khidmat penjagaan ibu lepas bersalin secara bekerja di bawah orang.

"Namun, selepas mengikuti kursus pemantapan teknik urutan selepas bersalin selama 12 hari di bawah kendalian PASAK, saya mula berdikari dengan menjalankan perkhidmatan itu sendiri.

"Menerusi kursus itu, saya diajar untuk mengetahui titik urutan dan aliran sistem tubuh yang betul, selain penjagaan dalam pantang seperti pemakaian bengkung, bertungku, param dan pilis, urutan seluruh badan, sengkak, bertangas dan mandian herba untuk ibu dan anak. Malah, saya turut didedahkan cara memasak untuk menu ibu berpantang," katanya.

### Permintaan agak tinggi

Nurain berkata, dengan menawarkan perkhidmatan spa bergerak secara sambilan, ia membolehkannya menjana pendapatan tambahan, sekali gus dapat membantu suami, Mohammad Rozali Mohammad Nordin, 41, yang bekerja sendiri.

Katanya, permintaan untuk urutan tradisional agak tinggi walaupun di kawasan luar bandar, malah boleh dikatakan setiap hari ada ibu melahirkan anak yang memerlukan perkhidmatan ditawarkannya.

Bagaimanapun, katanya mengurut memerlukan kemahiran terutama bagi urutan selepas bersalin, justeru individu yang menawarkan perkhidmatan itu perlu ada pengetahuan mencukupi.

"Penjagaan selepas bersalin secara tradisional adakala dipandang mudah oleh sesetengah wanita dan ada segelintir menganggapnya ketinggalan zaman. Hakikatnya, amalan turun-temurun itu dipercayai mampu menyihatkan tubuh bukan saja luaran tapi juga dalaman wanita," katanya.

Justeru, beliau menasihatkan wanita khususnya ibu bekerjaya, sebaiknya berpantang dengan cara betul bagi mengelakkan tekanan dan memastikan kesihatan dapat dijaga dengan baik.

Katanya, kini beliau menawarkan enam pakej penjagaan berpantang mengikut bilangan hari dan harganya boleh mencapai RM3,000 bagi pakej lengkap sebulan.

Nurain melayan pelanggan yang memerlukan khidmat spa bergerak.

# Pembangunan **Modal Insan**



## TVET Modular Industri

- Teh Jaafar kini lebih selesa ditempatkan di lot **kedai One Stop Centre Bawong, Kampung Bawong, Sungai Siput**. Beliau yang menerima **latihan kemahiran** daripada **PASAK** telah menghasilkan **produk kecantikan** sendiri seperti **minyak rambut** dan **minyak mengurut yang diproses secara organik**



## Dulu berniaga guna motor kini ada kedai salon sendiri

Oleh SAYED HESHAM IDRIS
utusannews@mediamulia.com/my

**SUNGAI SIPUT:** Selama hampir sembilan tahun menjalankan perniagaan salon dan kecantikan bergerak dari rumah ke rumah pelanggan menggunakan motosikal di sekitar Sungai Siput, Teh Jaafar kini dapat berniaga dengan lebih selesa apabila ditempatkan di lot kedai One Stop Centre Bawong, Kampung Bawong di sini.

Ibu kepada tiga anak berusia 34 tahun itu berkata, semuanya adalah hasil bantuan pelbagai agensi kerajaan termasuk kerajaan negeri yang sentiasa prihatin terhadap usahawan Orang Asli.

Menurutnya, dia gembira apabila diberi peluang menjalankan perniagaannya di lot kedai tersebut setelah sebelum ini bermotosikal ke rumah pelanggan yang memerlukan perkhidmatannya.

"Saya mula menjalankan perniagaan saya di One Stop Centre Bawong ini pada Disember lalu. Saya sangat gembira dan terharu kerana bukan mudah untuk mendapat peluang terpilih untuk ditempatkan di sini, banyak proses yang perlu dilalui seperti temu duga untuk menilai sejauh mana potensi dan kemampuan saya dalam perniagaan ini.

"Apabila mendapat ruang perniagaan yang besar dan selesa, saya mempelbagaikan perniagaan dengan menghasilkan produk kecantikan sendiri seperti minyak rambut dan minyak mengurut yang diproses secara organik. Malah saya berhasrat menghasilkan produk sabun.

"Bantuan kerajaan ini benar-benar membantu saya mengembangkan lagi perniagaan saya hingga dapat berniaga di tempat yang selesa di One Stop Centre Bawong ini," katanya.

Menurut Teh, kursus kemahiran yang disertainya sebelum ini juga banyak membantunya menyakinkan pihak yang berkenaan untuk dia diberi peluang ditempatkan di lot perniagaan di One Stop Centre Bawong.

"Saya menjalani kursus kemahiran dengan bantuan pelbagai agensi kerajaan, termasuk agensi kerajaan negeri iaitu Pusat Aspirasi Anak Perak (Pasak), melalui inisiatif Perak Sejahtera 2030 yang turut memberikan saya elaun semasa latihan.

"Terima kasih Menteri Besar dan kerajaan negeri. Selain diberikan kursus latihan, pelbagai agensi lain juga membantu saya dari segi pembelian peralatan perniagaan sehingga saya dapat membuka kedai salon dan kecantikan yang selesa," katanya.

Sementara itu, Teh menyimpan hasrat yang lebih besar iaitu mahu berkongsi kemahirannya dalam bidang salon dan kecantikan dengan anak-anak Orang Asli di daerah ini terutama lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Menurutnya, ini kerana dia mendapati golongan itu tiada peluang pekerjaan selepas mereka habis belajar.

"Saya pernah mengadakan kelas asas menggunting rambut di Tapah. Dari situ saya berminat untuk mengadakan kelas kemahiran salon dan kecantikan dan sedia mengajar anak-anak Orang Asli, ia boleh dibuat di lot kedai saya ini.

"Saya mahu macam mana susahnya saya semasa nak belajar dahulu, macam itulah saya nak ajar mereka.

"Walaupun mungkin saya hanya sempat mengambil hanya sedikit ilmu sikit semasa latihan kemahiran dulu, tapi saya tetap nak berkongsi dengan mereka, saya rasa nilainya sangat besar," katanya.

TEH Jaafar di kedai perniagaan salon dan kecantikan yang diusahakannya di One Stop Centre Bawong di Sungai Siput. – UTUSAN/SAYED HESHAM IDRIS

# Pembangunan **Modal Insan**

## TVET Modular Industri

- Puan Intan Zuliana Pathi yang berpeluang menyertai kelas **kemahiran jahitan tahap lanjutan dikelola JSS Tailoring Academy** dengan kerjasama **PASAK**. Tempahan jahitan yang diterima membolehkan beliau menjana **pendapatan** sekitar **RM2,000.00 sebulan.**



14 | Nasional | Selasa, 11 Julai 2023 BH

# Jahit baju raya keluarga cetus inspirasi jadi usahawan

**Suri rumah sertai program anjuran kerajaan Perak tingkat kemahiran**

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
bhnews@bh.com.my

**Batu Gajah:** Berputik keinginan untuk berjimat, khususnya ketika menyambut Aidilfitri, seorang suri rumah mengambil inisiatif menjahit sendiri baju raya lapan ahli keluarganya.

Berbekalkan pengalaman tujuh tahun menjahit baju keluarga, Intan Zuliana Pathi, 43, akhirnya memanfaatkan kemahirannya dan menjadikan bidang jahitan sumber pendapatan dengan mengambil tempahan bagi membantu menyara keluarga.

Kini, dia menjalankan operasi dari bengkel jahitan yang dibangunkan dalam kawasan rumahnya di Taman Siputeh Permai, Pusing, di sini.

Ibu kepada enam anak itu berkata, kehidupannya berubah apabila berpeluang menyertai kelas kemahiran jahitan tahap lanjutan dikelola JSS Tailoring

2030 PERAK SEJAHTERA

Academy yang bekerjasama dengan Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) yang juga Sekretariat Jawatankuasa Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) Negeri Perak.

PASAK diletakkan sebagai agensi peneraju berdasarkan dua *flagship* utama iaitu Koridor TVET Malaysia serta Program Pembolehdayaan Modal Insan & Pembelajaran Sepanjang Hayat di bawah sasaran 1 Warga 1 Skil (kemahiran) dalam mencapai agenda pelan Perak Sejahtera 2030.

"Intan Zuliana yang pernah mengikuti kursus menjahit di GiatMARA, mengakui pembabitannya bersama JSS Tailoring Academy menambah pengetahuan dan kemahirannya.

"Hendak kata kehidupan saya sebelum ini terlalu susah tidak sampai begitu. Cuma apabila ramai anak dan menghampiri hari raya mesti hendak baju cantik. Jadi, sejak itu saya mula belajar menjahit dan menjadikan ia sebagai sumber pendapatan.

"Kini melalui tempahan jahitan pakaian wanita khususnya, saya mampu memperoleh pendapatan sekitar RM2,000 sebulan.

"Saya juga mempunyai pelanggan tetap yang kebanyakannya guru di beberapa sekolah sekitar Batu Gajah," katanya ketika ditemui *BH*.

Katanya, rutin sebagai suri rumah sepenuh masa sejak berkahwin 23 tahun lalu tidak menghalangnya membantu suami, Azman Ahmad Serbaini, 54, yang bekerja sebagai juruwayar kilang bagi menjana duit sampingan menyara keluarga.

Intan Zuliana menganggap dirinya bertuah kerana selain mendapat membimbing kemahiran menjahit tahap lanjutan yang merangkumi jahitan dari segi bentuk pola potongan, pembabitannya sebagai pelajar JSS Tailoring Academy turut membuka peluang mendapatkan bimbingan keusahawanan.

*Intan Zuliana menyiapkan tempahan di bengkel jahitan dalam kawasan rumahnya di Taman Siputeh Permai, Pusing.*
(Foto Muhammad Zulsyamini Sufian Suri/BH)

**Giat ambil tempahan**

Katanya, melalui JSS Tailoring Academy yang bekerjasama dengan Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat (SPW) dan Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP), dia kini dalam usaha mendaftarkan perniagaan menjahit.

"Buat masa ini, saya giat mengambil tempahan dan belum ada nama kedai atau syarikat sendiri.

"Saya harap suatu hari nanti dapat direalisasikan dan kini sedang dibimbing untuk ke arah itu termasuk mendaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

"Agensi kerajaan negeri yang bekerjasama mengelolakan kelas kemahiran menjahit ini bukan sekadar mengajar meningkatkan kemahiran dalam bidang jahitan, malah membimbing pelajar menjadi usahawan.

"Contohnya, saya sebelum ini langsung tidak mempunyai asas perniagaan kini sudah tahu sedikit sebanyak selok-belok mengembangkan usaha dilakukan.

"Bimbingan dan pengetahuan dikongsi begitu berguna untuk mengembangkan kemahiran, seterusnya bergelar usahawan," katanya.

# Pembangunan **Modal Insan**



## TVET OKU

- **Latihan kemahiran jangka pendek** untuk bantu peserta menjana pendapatan melalui elemen **keusahawanan** daripada hasil latihan
- Disertai **120 orang peserta**







# Pembangunan **Modal Insan**

## TVET Anak Yatim

- **Latihan kemahiran jangka pendek** khusus yang disediakan kepada golongan **Anak Yatim** di bawah **jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat**
- **11 kursus** telah dilaksanakan
- melibatkan **170 orang peserta**







# Pembangunan **Modal Insan**

## TVET Orang Asli

- Menaik taraf kehidupan masyarakat orang asli bagi meningkatkan ekonomi diri dan keluarga melalui **penawaran kursus penyelenggaraan pendawaian elektrik fasa tunggal**, **manicure and pedicure**, **rawatan muka** dan **sebagainya**
- Mac 2024, sebanyak **7 kursus** TVET Orang Asli
- TVET Orang Asli dijalankan di perkampungan orang asli di daerah:
  - Kinta
  - Tapah
  - Tanjung Malim
  - Batang Padang







# Pembangunan **Modal Insan**



## TVET Orang Asli

- Tok Batin Mohd Daud Anjang, **ketua penduduk orang asli suku kaum Temiar Kampung Beswok**, **Pos Yum** menguruskan **bisnes ekopelancongan** yang diperkenalkan di Kampung Beswok
- **Permintaan untuk menyewa chalet** yang diusahakan bersama penduduk kampung yang terletak sekitar **65 kilometer dari pekan Sungai Siput** ini kian hari kian **meningkat**
- **Bermula** dengan **3 buah chalet** di tepi **Sungai Yum**, **kini meningkat** kepada **19 chalet** yang lengkap dengan **tapak perkhemahan, pangkin dan pondok.**
- Mereka juga memanfaatkan **bantuan kerajaan** yang diterima sebagai **modal untuk membina chalet dan inap desa**, **mencantikkan** kawasan sekitar serta **menyediakan pelbagai kemudahan** lain seperti tandas awam untuk pengunjung.

astro AWANI

TERKINI VIDEO ENGLISH MALAYSIA DUNIA POLITIK HIBURAN BISNES SUKAN RANCA

**Ekopelancongan: Usaha Tok Batin Kampung Beswok buahkan hasil**



*Tok Batin Mohd Daud Anjang kini menguruskan bisnes ekopelancongan yang baharu diperkenalkan di kampung berkenaan. - Bernama*

SEJAK enam bulan lalu, rutin harian Tok Batin Mohd Daud Anjang, 57, ketua penduduk Orang Asli suku kaum Temiar Kampung Beswok, Pos Yum, semakin bertambah.

Jika sebelum ini beliau keluar masuk hutan, mencari hasil yang boleh menampung keperluan keluarganya, kini ada satu lagi tugas yang perlu digalas iaitu menguruskan bisnes ekopelancongan yang baharu diperkenalkan di kampung berkenaan.

# Pembangunan **Modal Insan**

## TVET Warga Emas

- Pelaksanaan program **"Satu Warga Satu Skil"** melalui pelaksanaan latihan jangka pendek bagi membantu **warga emas Kembali Semula Bekerja (Return-to-Work)** atau **janaan peluang pendapatan**
- Mac 2024, **8 kursus** TVET Warga Emas telah dijalankan dengan penyertaan **211 orang peserta**
- Daerah **Bagan Datuk, Batang Padang, Hilir Perak, Kerian, Kinta, Kuala Kangsar, Larut Matang dan Selama** dan **Perak Tengah.**





## Pembangunan **Modal Insan**



### Program Santunan Kasih

Ekosistem penjagaan warga emas dengan kerjasama NGO – telah bermula pada September 2023.

TELUS & TULUS • TIDAK DICENGKAM OLEH TANGAN GHAIB • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN
Sinar Harian
NASIONAL 11
SABTU 28 OKTOBER 2023 • SINAR HARIAN

# Program Santuni Kasih Perak

Perintis ekosistem penjagaan warga emas

Oleh SAIFULLAH AHMAD
IPOH

Sebagai sebuah negeri yang sentiasa menyantuni setiap rakyat, Perak mengorak langkah ke hadapan dengan mewujudkan ekosistem penjagaan warga emas melalui pelaksanaan Program Santunan Kasih Perak (PSKP).

Pertama di Malaysia, PSKP itu merupakan hasil usaha sama melibatkan Portfolio Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Pembangunan Usahawan Perak; Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat Negeri Perak (SPW), Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) serta Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Manakala, Sunshine Qualicare Sdn Bhd merupakan penyelaras program tersebut selaras dengan matlamat kerajaan negeri melibatkan penyertaan semua pihak dalam pembangunan negeri ini khususnya pihak swasta.




Salbiah (tiga dari kanan) menyampaikan Sijil TVET Penjagaan Warga Emas kepada Nur Athirah (tiga dari kanan) di UniKL-RCMP di Ipoh, baru-baru ini.

Menurut Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Pembangunan Usahawan Perak, Salbiah Mohamed, PSKP telah dibentuk sejajar dengan unjuran ketujuh Perak Sejahtera 2030 untuk memperkasakan sektor ekonomi kaum wanita dan mengambil peduli golongan warga emas.

"Justeru, sasaran PSKP ini bukan sekadar menjadi suatu program jangka pendek, malahan menjadi model prototaip untuk diguna pakai oleh kerajaan negeri dalam menyantuni golongan warga emas di seluruh Perak," katanya.

Tambah Salbiah, PSKP itu menyediakan platform yang merangkumi pangkalan data yang membantu kerajaan negeri memajukan bidang penjagaan serta menggubal polisi negeri untuk jangka panjang.

Terdahulu, beliau merasmikan pelancaran PSKP serta menyampaikan Sijil Pendidikan, Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Penjagaan Warga Emas Fasa 2 Tahun 2023 di Universiti Kuala Lumpur UniKL) - Royal College of Medicine Perak (RCMP) di sini, baru-baru ini.

Sebagai perintis pelaksanaan PSKP, seramai 170 orang yang terdiri daripada sukarelawan JKM, pusat jagaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) telah menjalani kursus selama lima hari di institusi berkenaan.

Sementara itu, T Manimala, 49, yang merupakan peserta TVET dari Chemor berkata, penjagaan warga emas itu sangat baik kerana memberi peluang kepada rakyat Perak menambah pengetahuan secara profesional dalam bidang tersebut.

Pandangan sama turut dinyatakan Nur Athirah Azmi, 24, dari Teluk Intan yang mana menyifatkan bidang penjagaan merupakan satu peluang kerjaya yang mempunyai potensi tinggi.

"Sektor perkhidmatan penjagaan mempunyai masa depan yang baik. Saya mengambil peluang ini (latihan TVET) untuk menambahkan lagi pengetahuan dan kemahiran dalam bidang penjagaan," katanya yang turut menggalakkan golongan belia untuk menceburinya.

# Pemerkasaan **Wanita**



Wanita Inspirasi Negeri Perak (WINP)

Kempen Kesihatan dan Kebersihan Wanita Negeri Perak (PROKIS)

Kempen Kesedaran Kanser Reproduktif Wanita (WCaRe)



SINAR HARIAN • SABTU 19 OGOS 2023

NASIONAL 11

# PROKiS tingkat pendidikan haid

Bantu remaja dan wanita antara 12 hingga 45 tahun daripada kategori B40

Oleh NOOR AINON MOHAMED YUSOF
PADANG RENGAS

2030 PERAK SEJAHTERA

Program Pemberian Kit Asas Sanitari Wanita Negeri Perak (PROKiS) yang diperkenalkan kerajaan negeri berjaya membantu pelajar yang berhadapan dengan isu kemiskinan haid.

Kemiskinan haid merujuk individu wanita yang tidak mampu memiliki tuala wanita dan produk kebersihan disebabkan faktor kewangan dan penerima PROKiS merupakan remaja perempuan dan wanita berumur di antara 12 hingga 45 tahun daripada kategori B40.

Program di bawah Sejahtera Sosial, Pelan Perak Sejahtera 2030 oleh Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad itu telah membantu kira-kira 120 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tun Perak di sini, mendalami ilmu pengurusan haid.

Guru Geografi, Noor Hazirah Hamdan berkata, PROKiS bukan menumpukan kepada pemberian kit sebaliknya ia menyelitkan elemen advokasi dan pendidikan berkaitan kebersihan dan keselamatan diri.

"Pengalaman saya berhadapan dengan pelajar ini, mereka tidak tahu kiraan kitaran haid hingga tidak menyimpan sanitari dalam beg sebagai persediaan.

"Waktu itulah berlaku insiden 'bocor' dan sebagainya. Kebanyakan pelajar daripada keluarga B40 tidak ada wang untuk beli tuala wanita, hanya beli bila perlu," katanya kepada *Sinar Harian* di sini pada Selasa.

Sebahagian pelajar menerima kotak PROKiS yang diedarkan di sekolah-sekolah bagi menangani isu kemiskinan haid.

Menurut beliau, pihak sekolah telah menubuhkan Jawatankuasa Pengelola PROKiS yang diselaras Pengetua, Solehah Baharon bagi menangani isu-isu berkaitan.

"Selepas dua bulan kita laksanakan pemberian PROKiS, kita lihat pelajar dapat menguruskan tuala wanita dengan baik, tidak membuang di tempat tidak sepatutnya.

"Selain itu, pelajar juga kurang meminta sanitari daripada guru kerana mereka mula sedar dan bersedia kehadiran haid. Saya percaya ia membantu pelajar menjaga kebersihan sistem produktif diri mereka sendiri," katanya.

Noor Hazirah berkata, pemberian PROKiS ini wajar diteruskan terutama melibatkan pelajar di kawasan luar bandar yang masih malu berhadapan isu kemiskinan haid ini.

"Kit tersebut mengandungi tuala wanita pakai buang, tuala wanita guna semula, risalah pendidikan haid, tuala kecil dan pembersih kewanitaan.

"Pemberian tuala wanita guna semula bagaimanapun dilihat tidak praktikal kerana pelajar tidak pandai menggunakannya hinggakan ada menyerahkan semula kepada guru. Mungkin perkara itu boleh dilihat semula bagi mengelakkan pembaziran," katanya.

Tambah beliau, cadangan meletakkan mesin layan diri sanitari di setiap sekolah juga boleh membantu dalam pengurusan haid pelajar.

# Sekuriti **Makanan**



- Projek Rintis Tanaman Bawang di Negeri Perak
- Program Skim Transformasi Industri Pengeluaran Ternakan Kambing Tenusu Negeri Perak (SMART-DG)
- Taman Kekal Pengeluaran Makanan
- Pembangunan tanah-tanah terbiar bagi tujuan pertanian
- Agromakanan Perak - Lembah Makanan Negara dan Tanaman Kontan
- Akademi Sekuriti Makanan Negeri Perak
- Program Pembangunan dan Pengukuhan Industri Pengeluaran Ternakan Lembu Pedaging Negeri Perak (Perak Beef)
- Zon Industri Akuakultur Hulu Perak

# Sekuriti **Makanan**



## *Kadar Sara Diri Negeri (SSR) Bagi Beras*

***Peningkatan Pengeluaran Padi***




## *Pengeluaran Hasil Komoditi Sayur-Sayuran*



# Sekuriti **Makanan**

*Hasil Komoditi Tanaman Kontan*



# Sekuriti **Makanan**



315 ladang pendaging

Menghasilkan 322,612 tan ayam matrik

Melebihi 130,848 tan metrik keperluan dalam negeri

21 ladang ayam penelur

Menghasilkan 2.1 biji telur/setahun

Melebihi keperluan sebanyak 1 bilion biji telur

Menghasilkan 6,918 juta liter susu segar/setahun

Melebihi keperluan 5,724 juta liter di Perak

Perak kekal menjadi pengeluar ikan tertinggi iaitu 300,000 tan metrik ikan yang didaratkan

# Projek Rintis Tanaman Bawang di Negeri Perak

**Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)** memperkenalkan tiga variasi bawang merah iaitu: ***BAW-1, BAW-2, BAW-3***

Perak telah mencipta sejarah setelah **berjaya menjadi negeri pertama** yang **berjaya menuai hasil bawang tempatan jenis BAW-1**

Membuahkan **hasil secara keseluruhan 3.3 tan** metrik pada **3 dan 17 April 2024**

**Dipasarkan** di seluruh outlet **Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)**









Sinar

Projek bawang Malaysia berjaya hasil 2.3 tan tuaian pertama



Perak jadi perintis tanaman

# Taman Kekal Pengeluaran Makanan

**Perak SADC** dan **Jabatan Pertanian** merupakan pelaksana bagi projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)

**16 orang peserta** bagi **Fasa 1** di kawasan seluas **303.11 ha**

**Sehingga Oktober 2023,** sebanyak **1,800 tan** hasil pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran









# Agromakanan Perak - Lembah Makanan Negara dan Tanaman Kontan

**Daerah Hulu Perak** memasarkan sejumlah **48 pemegang sijil Malaysia Good Agriculture Practices (MyGAP)** bagi tahun 2024

Keseluruhan keluasan penanaman tanaman makanan yang direkodkan adalah **seluas 1,373.42 hektar** dengan **2,235 orang petani**

**549 orang petani** masih **aktif** mengerjakan tanaman kontan dengan luas pengeluaran keseluruhan adalah sebanyak **254.97 hektar**

**Perak SADC** telah **memperuntukkan RM10 juta** sebagai suntikan bagi anak **syarikat Eurofresh Sdn Bhd**





# Program Pembangunan dan Pengukuhan Industri Pengeluaran Ternakan Lembu Pedaging Negeri Perak (Perak Beef)

Memperkukuhkan serta menggalakkan pertambahan bilangan populasi ternakan lembu bagi tujuan pedaging seiring dengan peningkatan pengeluaran daging negeri Perak – meningkatkan pengeluaran SSL daging negara dari **23% kepada 30%** pengeluaran

Menyasarkan pewujudan **16 buah Ladang Pengeluaran Baka** serta memperkukuhkan dan membangunkan **45 buah Ladang Pengganda** bagi penghasilan dan penggandaan anak lembu pedaging di negeri Perak

Kemajuan yang telah dicapai melibatkan **10 buah** padang ragut dengan **16 pakej**

Jumlah **pembekalan ternakan lembu pedaging** sebanyak **92 ekor**

# Program Pembangunan dan Pengukuhan Industri Pengeluaran Ternakan Lembu Pedaging Negeri Perak (Perak Beef)

**15 Jun 2023 sehingga April 2024**, prestasi ternakan adalah sangat memberangsangkan – kadar **kelahiran mencapai 70%** dan kadar **kematian kurang dari 5%**

Jumlah ternakan terkini bagi program ini adalah **149 ekor**

**Peningkatan bilangan ladang berjumlah 1,348** dan populasi ternakan lembu pedaging di negeri Perak kepada **66,581 ekor** keseluruhan

Jumlah pengeluaran daging lembu segar negeri Perak tahun **2023** mencapai **2,951.4 metrik tan** dan kadar tahap sara diri **meningkat** dari **15.41% kepada 17.43%**

# Program Skim Transformasi Industri Pengeluaran Ternakan Kambing Tenusu Negeri Perak (SMART-DG)

Membangunkan **6 orang penternak kambing tenusu** baharu yang terdiri dari **belia luar bandar**, **18 orang pengusaha pemprosesan susu** dan **hasilan susu kambing** dan **3 kumpulan beliawan produk tambah nilai susu kambing**

Pembinaan infrastruktur ladang, iaitu:

i. Pembinaan sebuah kandang kambing tenusu,

ii. Sebuah pusat pemprosesan susu

iii. Pembekalan ternakan kambing tenusu Saanen baka tulen sebanyak **41 ekor.**

**Bermula 15 Jun 2023 sehingga April 2024,**

i. Kadar **kelahiran** mencapai 100%

ii. Kadar **kematian** kurang dari 5%

iii. Jumlah ternakan terkini adalah **116 ekor**

Program ini berjaya **tingkatkan bilangan ladang** berjumlah **15 buah** dan **populasi ternakan kambing tenusu** di negeri Perak kepada **1,028 ekor** keseluruhan

Jumlah pengeluaran susu kambing segar negeri Perak tahun 2023 **meningkat kepada 215,880 liter**

## Pembangunan tanah-tanah terbiar bagi tujuan pertanian

**USAS dengan Jabatan Pertanian Negeri Perak** akan memulakan projek tanaman padi di kawasan tanah terbiar seluas **8 hektar** bersamaan **50 ekar** di **Mukim Kota Lama Kanan, Kuala Kangsar**






## Akademi Sekuriti Makanan Negeri Perak

**29 Oktober 2022, Perak SADC dan USAS** telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) Penubuhan Akademi Sekuriti Makanan Negeri Perak.

**19 Disember 2023**, delegasi **Kerajaan Negeri telah ke Institut Pertanian Bogor, Indonesia** bagi menghadiri Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Akademi Sekuriti Makanan Negeri Perak dan Institut Pertanian Bogor (Bogor).


BH Selasa, 9 Januari 2024 — Nasional — 17

# Akademi sekuriti makanan USAS kawal pengeluaran, harga

Penubuhan antara langkah menggerakkan Pelan Perak Sejahtera 2030

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
bhnews@bh.com.my

Penubuhan akademi di USAS dibuat secara berfasa antaranya melalui pulangan keuntungan menerusi dana RM20 juta disalurkan Perak SADC.

**Kuala Kangsar:** Keterjaminan atau sekuriti makanan bukan hanya mempunyai makanan mencukupi, namun mencakupi dapatan akses kepada makanan berkhasiat, selamat dan boleh diterima dari segi budaya serta merangkumi keupayaan memperoleh melalui cara berbeza.

Ini termasuk pengeluaran, perdagangan dan pengedaran serta keupayaan menggunakan dan memelihara makanan secara berkesan, selain keupayaan bertahan dan pulih daripada ketidaktentuan seperti bencana alam atau krisis ekonomi tanpa menjejaskan akses makanan atau pemakanan.

Naib Canselor Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Prof Datuk Dr Wan Sabri Wan Yusof, berkata secara asas penubuhan akademi sekuriti makanan kelolaan kerajaan negeri di USAS tidak hanya bertumpu kepada penghasilan makanan, sebaliknya menjadi pusat penyelidikan, pembangunan teknologi dan pengumpulan data berkaitan pertanian.

Menurutnya, penubuhan akademi dicadangkan di kawasan tanah seluas 101 hektar milik USAS di Manong, di sini dan bakal dikenali sebagai Makmal Industri Pertanian USAS (UAIL). Ia berkonsepkan pusat inkubasi pertanian dan majlis pecah tanah dijangka dibuat tahun ini.

Wan Sabri Wan Yusof

Wan Sabri berkata, USAS akan menguruskan operasi serta sebagai penjaga akademi ini, manakala Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) yang turut berperanan penubuhannya adalah pemberi dana.

Sementara, rakan industri platinum dan Institut Darul Ridzuan (IDR) berfungsi sebagai cabang perundingan negeri.

Beliau berkata, akademi sekuriti makanan itu bukan hanya menyentuh aspek pengeluaran makanan, sebaliknya turut berkaitan teknologi seperti dalam hal pembiakbakaan diamalkan di negara jiran dan pengumpulan segala data pertanian bagi membantu menyelesaikan masalah manipulasi harga makanan di pasaran.

"Data diperoleh, dapat membantu kita mengawal jumlah pengeluaran hasil pertanian, pada masa sama, membolehkan kawalan harga dibuat. Contohnya, apabila kerajaan menggalakkan import ketika harga naik untuk menurunkan harga, hal itu boleh dipantau melalui data.

"Ketika ini pengeluaran pertanian berdasarkan andaian, namun dengan adanya pusat pengumpulan data yang mungkin mengadaptasikan teknologi AI (kecerdasan buatan) selain berpandukan penyelidikan saintifik, maka kita boleh merancang pengeluaran makanan kita sendiri," katanya kepada *BH*.

Menurutnya, perancangan sebegitu turut diyakini membolehkan harga makanan stabil di pasaran berikutan bekalan yang sentiasa ada.

**Inspirasi model IPB**

Katanya lagi, penubuhan akademi sekuriti makanan itu sebahagian besarnya mengguna pakai inspirasi model Institut Pertanian Bogor (IPB) di Indonesia.

Ini berikutan, model inkubasi dibangunkan IPB dianggap menyeluruh kerana meliputi pembabitan bukan hanya kakitangan dan tenaga pengajar institusi itu malah komuniti setempat.

"Selain IPB, kita juga akan mengadakan beberapa siri kunjungan ke institut lain. Penubuhan akademi di USAS ini akan dibuat secara berfasa, antaranya melalui pulangan keuntungan menerusi dana bernilai RM20 juta yang disalurkan Perak SADC.

"Ia bertujuan untuk dilabur dengan jangkaan pulangan RM1.2 juta atau enam peratus setahun untuk lima tahun," katanya.

Penubuhan akademi sekuriti makanan adalah antara langkah menggerakkan Pelan Perak Sejahtera 2030 cetusan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad.

Agenda ini terdapat dalam program *flagship* Lembah Bakul Makanan bertujuan memastikan ketersediaan kuantiti makanan mencukupi serta berkualiti dibekalkan melalui pengeluaran untuk kegunaan domestik dan import melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) secara berterusan.






# Akademi Sekuriti Makanan Negeri Perak

Sesi lawatan ke **Agribusiness and Technology Park (ATP)** yang juga terletak di perkarangan IPB – libatkan perkongsian program *One Village*, *One CEO*, Program Tani *Centre* dan Program *Community Farming School.*






# Zon Industri Akuakultur Hulu Perak

Zon Industri Akuakultur di Hulu Perak mempunyai **dua** sistem **ternakan, sangkar dan kandang**

Jumlah **penternak sistem sangkar** adalah sebanyak **2 orang** manakala bagi **sistem kandang** sebanyak **11 orang**

Purata hasil daripada **sistem sangkar** adalah sebanyak **12 – 20 tan / tahun / penternak** manakala bagi **sistem kandang** pula, hasil puratanya sebanyak **1 ke 2 tan setahun / penternak**

**Keluasan** kawasan ZIA di **Tasik Temengor** adalah seluas **100 hektar** diusahakan oleh **Syarikat Trapia Sdn Bhd**

Purata **hasil** yang diperolehi daripada **sistem sangkar** di Tasik Temengor adalah sekitar **270 – 280 tan / bulan** dan hasil tuaian pada **tahun lepas** adalah **sebanyak 3,000 tan**

# Sasaran **Perak Sejahtera 2030**



Sejahtera
**Politik**

# Sejahtera **Politik**

Mengukuhkan kepercayaan pelabur

Pemantapan Perkhidmatan Awam




Pelaksanaan Dasar & Perundangan

Dasar Ekonomi Yang Konsisten

Keyakinan Rakyat dan Keharmonian Sosial

# Memantapkan Tadbir Urus **Kerajaan Negeri**

- Rang Undang-undang Enakmen Perladangan Unggas (Pindaan) 1993
- Rang Undang-undang Sumber Air (RUUSA) Perak 2023
- Rang Undang-undang Enakmen Wasiat Orang Islam Perak 2023
- Rang Undang-undang Hotel Perak 2023



Sinar Harian

Perak bentang enakmen unggas atasi masalah lalat

Oleh SAIFULLAH AHMAD
10 Mei 2022 04:42pm Masa membaca: 4 minit

Untuk berita terkini Sinar Harian, ikuti di Telegram dan TikTok kami

IPOH - Kerajaan negeri Perak akan membentangkan pindaan enakmen berkaitan unggas dalam Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak bagi menangani isu melibatkan ternakan ayam di negeri ini.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, pembentangan enakmen itu dijangka akan dibuat dalam persidangan DUN yang bermula 22 Mei depan.



astro AWANI

DUN Perak lulus RUUSA Perak 2023, mansuh Akta Air 1920

Perak menjadi negeri keempat yang meluluskan enakmen berkaitan pengurusan sumber air.- Gambar fail/Bernama

IPOH: Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak hari ini meluluskan Rang Undang-Undang Sumber Air (RUUSA) Perak 2023 yang bertujuan memansuhkan Akta Air 1920 serta mengadakan peruntukan baharu pengurusan bersepadu penggunaan, pembangunan dan perlindungan sumber air di negeri itu.

Speaker DUN Perak Datuk Mohammad Zahir Abdul Khalid memaklumkan RUU berkenaan diluluskan dengan lebih suara bersetuju.



BH ONLINE

DUN Perak lulus RUU Enakmen Wasiat Orang Islam

bhnews@bh.com.my

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad (kanan) pada sesi penggulungan Rang Undang-Undang Enakmen Wasiat Orang Islam (Perak) 2023 pada Mesyuarat Kelima, Tahun Pertama Dewan Negeri Ke-15 Perak Darul Ridzuan di Bangunan Perak Darul Ridzuan, Ipoh hari ini. - Foto BERNAMA

IPOH: Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak di sini, hari ini meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Enakmen Wasiat Orang Islam (Perak) 2023 bertujuan mengadakan suatu undang-undang khusus berkenaan wasiat orang Islam.

Usul dikemukakan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad (BN-Kota Tampan) yang turut memegang portfolio EXCO Agama Islam negeri.

Ia disokong 48 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang hadir mengundi pada Persidangan Keenam



Utusan Malaysia

RUU Hotel Perak diluluskan

IPOH: Dewan Negeri Perak meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Hotel Perak 2023 membabitkan pelesenan dan pengawalan hotel di negeri ini.

Keputusan itu diumumkan Yang di-Pertua Dewan Negeri, Datuk Mohammad Zahir Abdul Khalid selepas proses pengundian dilakukan pada Persidangan DUN Perak hari ini.

Daripada 57 Ahli Dewan Negeri yang mengundi, 32 ahli menyokong manakala 25 lagi menyatakan tidak bersetuju.

Semasa pengundian, dua Ahli Dewan Negeri iaitu Nga Kor Ming (PH-Kepayang) dan Muhammad Hakimi Hamzi Mohd Hayat (PN-Titi Serong) tidak berada dalam Dewan.

# Pendigitalan Perkhidmatan **Kerajaan Negeri**

## Sistem e-Perak



- Mendokumentasikan profil **828 Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK)** dengan mengambil kira profil penduduk di dalam kawasan penempatan




- Membantu Kerajaan Negeri dan JPKK **merancang projek dan program pembangunan** di kawasan luar bandar

- Peruntukan kewangan sebanyak **RM 2.5 juta** bagi tujuan **pengumpulan data dan pengemaskinian maklumat** Ketua Isi Rumah (KIR) dan Ahli Isi Rumah (AIR) yang merangkumi **12 daerah di negeri Perak**

# Pendigitalan Perkhidmatan **Kerajaan Negeri**



## Pembangunan Portal dan aplikasi Talent Perak

- Pengguna juga boleh mendapatkan **informasi terkini** berkenaan dengan program yang dianjurkan oleh **Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK)**



- **Bermula 15 Jun 2023 sehingga 30 Mac 2024**, aplikasi Talent Perak berjaya mengumpul seramai **7,617 orang pengguna**




- **164 majikan** dan menawarkan **2,250 peluang pekerjaan** kepada pengguna

# Pendigitalan Perkhidmatan **Kerajaan Negeri**



## Portal Perak Digital 2.0

- Meningkatkan sistem **penyampaian perkhidmatan awam** melalui **penggunaan ICT** secara berkesan
  - Sehingga **bulan April 2024**, portal ini telah menyediakan perkhidmatan dalam talian untuk **28 jabatan/agensi**, **Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** dan **GLC**
  - **1.4 juta** pelawat
  - **190,000 ribu** pengguna telah **mendaftar**
  - **6 modul perkhidmatan** ditawarkan dalam portal ini, iaitu **e-Perjawatan, e-Internship, e-Pensijilan Halal, S.M.A.R.T. Niaga@Perak, e-Tempahan** dan **e-Derma**



# Pendigitalan Perkhidmatan **Kerajaan Negeri**



## MyPATIL@Peraklesen



**Pada tahun 2023,** kutipan hasil lesen baru **meningkat sebanyak RM1.34 juta (15.9%)** dari RM9.83 juta pada tahun 2022



### MyPatil manifestasi pelan Perak Sejahtera 2030

Oleh LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR

**LUMUT** – Pendigitalan lesen perniagaan menerusi aplikasi MyPatil merupakan usaha Majlis Perbandaran Manjung (MPM) bagi memastikan Agenda Utama Perak Sejahtera 2030 dapat memacu Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0) di daerah ini.

Pengarah Unit Pengurusan Pulau Bebas Cukai Pangkor (UPPBC), Nadiah Mohd. Saruan berkata, pihaknya sedang berusaha untuk memastikan semua premis di Pulau Pangkor dilengkapi lesen digital yang diperkenalkan pada 2021.

"Sehingga kini, sebanyak 307 premis yang dikunjungi MPM telah dipasang lesen digital itu, manakala tujuh masih belum. Kami sedang dalam usaha untuk mengunjungi 593 premis perniagaan lain di pulau berkenaan.

"Menerusi MyPatil, penguat kuasa tidak perlu lagi melaksanakan pemeriksaan lesen premis dari pintu ke pintu kerana aplikasi itu akan memaparkan status perniagaan suatu premis dalam jarak 200 meter dari lokasi penguat kuasa berada," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Nadiah berkata, pelaksanaan MyPatil juga adalah manifestasi usaha yang diambil MPM bagi menyahut seruan Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad bagi mengguna pakai Perak Sejahtera 2030 sebagai pelan bagi memanfaatkan sumber serta jaringan strategik.

Menurutnya, pelan itu juga digunakan PM bagi meneroka peluang-peluang baharu bagi memastikan pembangunan Pulau Pangkor dapat direalisasikan demi kesejahteraan penduduk pulau peranginan tersebut.

"Selari dengan agenda memacu IR 4.0 juga, pembangunan Pulau Pangkor bergerak seiring dasar pendigitalan yang digariskan MPM dengan mendigitalkan beberapa sektor termasuk industri perniagaan.

"Antaranya melaksanakan penggunaan kod QR sebagai medium bayaran di kedai-kedai bebas cukai dan peniaga kecil sederhana di Pulau Pangkor," jelasnya.

Nadiah berkata, pengidital ekonomi, pembangunan serta masyarakat juga telah digariskan menerusi Rancangan Kawasan Khas (RKK) Pangkor.

Jelasnya, ia mengandungi cadangan tindakan pembangunan dan pengurusan bagi tujuan memperkasakan Pulau Pangkor sebagai destinasi pelancongan mampan dan pintar.

"Pulau Pangkor berpotensi untuk dijadikan kawasan pelancongan dan tempat beli-belah berasaskan sistem digital serta urus niaga tanpa tunai.

"UPPBC MPM sentiasa menyokong usaha kerajaan negeri yang sejajar dengan hasrat kami untuk menjadikan Pulau Pangkor sebagai Smart Island," katanya.

PEGAWAI penguat kuasa MPM memberi penerangan kepada anggotanya mengenai fungsi MyPatil di sebuah premis di Pulau Pangkor baru-baru ini.



# Pendigitalan Perkhidmatan **Kerajaan Negeri**

## Pendigitalan Usahawan PMKS: S.M.A.R.T Niaga@Perak, Clicks@Perak, SME D-BASE

**89,648 data** usahawan telah berjaya dikumpulkan

**60 latihan** usahawan digital telah diadakan

Sehingga **April 2024, seramai 579 orang** telah menyertai latihan ini



# Infrastruktur

## Program Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA)

Jendela
Jalinan Digital Negara

Sebelum JENDELA dilaksanakan pada suku kedua tahun 2022, jumlah premis dengan capaian gentian optik di Perak hanyalah sebanyak 286,006.

**Ketersediaan Premis dengan Capaian Gentian Optik**

suku keempat tahun 2023, 336,702 premis telah berjaya disiapkan sejak pelan JENDELA dilaksanakan menjadikan jumlah keseluruhan premis di Perak dengan capaian gentian optik sebanyak 622,708.

**Ketersediaan Menara Telekomunikasi Baharu**

- Setakat suku keempat tahun 2023, 108 menara baharu telah berjaya disiapkan
- meningkatkan capaian liputan mudah alih 4G di kawasan berpenduduk kepada 97.40% *berbanding* 94.71% sebelum JENDELA dilaksanakan

**Ketersediaan Perkhidmatan 5G**

- Setakat suku keempat tahun 2023, 460 daripada 494 tapak yang disasarkan telah siap dilaksanakan semenjak ianya bermula pada pertengahan tahun 2022
- Meningkatkan capaian liputan 5G di kawasan berpenduduk kepada 78.9% di negeri Perak.

# Kelestarian **Alam**



Tenaga Boleh Baharu: Pemasangan Sistem Panel Solar Berbumbung Melalui Skim Net-Metering (NEM)

Kempen Tiada Beg Plastik

Perak Peneraju Hutan Simpan Kekal di Malaysia

# Kelestarian **Alam**

## Tenaga Boleh Baharu: Pemasangan Sistem Panel Solar Berbumbung Melalui Skim Net-Metering (NEM)



- Pemasangan Panel Solar Fotovoltaik (PV) di bumbung parkir Pasar Ayam Amanjaya, Ipoh pada November 2023 – **penjimatan sebanyak RM2 juta setahun**
- Pemasangan Panel Solar Fotovoltaik (PV) berkapasiti 100kW di Hospital Permaisuri Bainun, Ipoh – **penjimatan sebanyak RM57,000.00 setahun**
- Pemasangan Panel Solar Fotovoltaik (PV) berkapasiti 200kW di AA Tech Factory, Batu Gajah, Perak – **penjimatan sebanyak RM133,000.00 setahun**
- Pemasangan Panel Solar Fotovoltaik (PV) berkapasiti 308kW di Bazar Ipoh – **penjimatan sebanyak RM55,000.00**

# Kelestarian **Alam**

## Tenaga Boleh Baharu: Pemasangan Sistem Panel Solar Berbumbung Melalui Skim Net-Metering (NEM)



- Pemasangan Panel Solar Fotovoltaik (PV) di **3 majlis daerah**
- Berkapasiti **109kW** di **Majlis Daerah Perak Tengah - penjimatan** sebanyak **RM20,000.00 setahun**
- Berkapasiti **67kW** di **Majlis Daerah Pengkalan Hulu – penjimatan** sebanyak **RM14,000.00 setahun**
- Berkapasiti **32kW** di **Majlis Daerah Selama – penjimatan** sebanyak **RM10,000.00 setahun**

# Kelestarian **Alam**

## Kempen Tiada Beg Plastik

**1,865 premis telah berdaftar dengan PBT** bagi Kategori Tidak Memberi Beg Plastik Kepada Pelanggan manakala sebanyak **2,073 premis berdaftar** dengan PBT bagi Kategori Mengenakan Caj Pencemaran Bagi Beg Plastik Konvensional

Sehingga **31 Mac 2024**, **14 PBT telah memulakan pengenaan caj beg plastik** kepada pengguna melalui premis perniagaan berlesen di PBT dengan jumlah kutipan sebanyak **RM381,625.80**

# Kelestarian **Alam**

## Perak Peneraju Hutan Simpan Kekal di Malaysia



Setakat **31 Mac 2024**, jumlah keluasan Hutan Simpan Kekal di Perak adalah **988,826.98 hektar, iaitu 96.4%** daripada keluasan kawasan berhutan di Perak

Perak kini dalam usaha mewartakan hutan paya laut seluas **356.12 hektar di Tanah Kerajaan Mukim Kuala Kurau sebagai Hutan Simpan Kekal yang baharu**